

“DARIPADA Warrad, tukang tulis bagi Al-Mughirah bin Syu’bah, dia telah berkata : Mu’awiyah telah menulis kepada Al-Mughirah : Tulislah dan kirimkan kepadaku dengan apa yang pernah engkau dengar daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Warrad berkata : Maka dia *mengimla’kan* (menuturkan perkataannya) kepadaku dan aku menulis dengan tanganku : Sesungguhnya aku telah mendengar daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang daripada banyak soal, mensia-siakan harta (membazir) dan banyak cakap”.
 - (Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan Perdana Menteri United Kingdom, The Rt. Hon. Rishi Sunak MP.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland dan Perdana Menteri

United Kingdom, The Rt. Hon. Rishi Sunak MP; ahli-ahli kerabat diraja, kerajaan dan rakyat United Kingdom bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda King Charles III yang Ke-75 Tahun.

Pingat Kehormatan NBD kepada 667 penerima

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam (NBD) bersempena dengan Hari Keputeraan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun kepada 667 penerima yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

>> Muka 3

Hargai pengorbanan penderma darah

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Jun. - Negara-negara di seluruh dunia menyambut Hari Penderma Darah Sedunia pada 14 Jun 2024 setiap tahun dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan darah dan produk darah yang selamat dan untuk menyatakan penghargaan kepada individu-individu yang menderma darah secara sukarela tanpa mengharapkan sebarang imbalan atas pemberian darah mereka yang boleh menyelamatkan nyawa insan-insan yang memerlukan pemindahan darah.

Perkara tersebut terkandung dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar bersempena dengan Hari Penderma Darah Sedunia 2024.

Dalam perutusan Yang Berhormat seterusnya menjelaskan pada tahun ini,

Pertubuhan Kesihatan Sedunia, rakan-rakan kongsi dan seluruh masyarakat di dunia bersatu meraikan Hari Penderma Darah Sedunia dengan tema 'Celebrating 20 Years of Giving : Thank You, Blood Donors!' atau 'Meraikan 20 Tahun Memberi : Terima Kasih, Penderma Darah!'.

“Ulang Tahun Ke-20 Hari Penderma Darah Sedunia ini adalah peluang yang terbaik untuk mengucapkan terima kasih kepada penderma darah di seluruh dunia atas pengorbanan mereka selama ini dan juga menghargai impak yang sangat jelas dan mendalam terhadap pesakit dan penderma. Ia juga merupakan masa yang tepat untuk menangani cabaran yang berterusan, dan mempercepatkan kemajuan ke arah masa depan di mana pemindahan darah yang selamat boleh diakses secara universal,” tambah Yang Berhormat.

Objektif khusus Sambutan Hari

Penderma Darah Sedunia tahun ini jelas Yang Berhormat bukan sahaja untuk merakamkan ucapan terima kasih dan mengiktiraf jutaan penderma darah sukarela yang telah banyak menyumbang kepada kesihatan dan kesejahteraan jutaan orang di seluruh dunia, bahkan juga untuk mencapai perkara-perkara berikut.

Antaranya ialah untuk mempamerkan pencapaian dan cabaran program darah di negara ini serta mengongsikan amalan-amalan terbaik dan pengajaran yang dipelajari; untuk menekankan keperluan yang berterusan bagi pendermaan darah yang tetap, sukarela dan tanpa imbalan untuk mencapai akses universal kepada pemindahan darah yang selamat dan untuk menggalakkan budaya menderma darah secara berterusan dalam kalangan golongan muda serta orang awam serta meningkatkan kepelbagaian dan kemampuan bekalan darah.

>> Muka 7


 IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama


15 pelajar cemerlang terima AIPC-DANA 2024
 Muka 6


HYPO Box tingkatkan kesedaran perawatan hypoglycemia dengan segera, berkesan
 Muka 8


DELEGASI AIPA CAUCUS Ke-15 kunjungi BKISHHB
 Muka 11


RENCANA
KTB platform luangkan masa bersama keluarga
 Muka 28



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta rombongan dalam rangka Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 11 Jun 2024 yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Sayyidina Muhammadin Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya,
Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,

DULI Raja Isteri dan beta mengalu-alukan Tuan Yang Terutama dan Puan, atas Lawatan Rasmi pertama awda sebagai Perdana Menteri Keempat Republik Singapura.

Sekali lagi, tahniah beta ucapkan atas pelantikan Tuan Yang Terutama. Beta yakin Tuan Yang Terutama akan terus

NBD - Singapura terus bina kepercayaan, keyakinan pupuk hubungan erat

memimpin Pemimpin 4G di bawah 'Forward Singapore' dalam memastikan pembangunan dan kemakmuran Singapura yang berterusan.

Selama beberapa dekad bahkan sebelum Negara Brunei Darussalam merdeka dan sejak itu, kedua-dua negara kita telah menikmati hubungan yang kukuh merentasi banyak sektor, membina kepercayaan dan keyakinan sebagai asas yang kukuh untuk masa depan.

Sebagai dua negeri kecil berdaulat yang dikelilingi oleh jiran yang lebih besar, kita berkongsi hasrat yang sama yang bermula daripada persahabatan rapat antara arwah ayahanda beta, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan mendiang Perdana Menteri, Lee Kuan Yew.

Membina persahabatan ini, kita mewujudkan hubungan yang unik dan istimewa, bekerjasama dalam bidang pertahanan, pendidikan, kesihatan dan mata wang. Yang terakhir ini amat penting dalam memastikan kestabilan ekonomi kita semasa krisis kewangan serantau dan kemelesetan ekonomi.

Negara Brunei Darussalam juga berterima kasih atas sokongan Singapura semasa pandemik COVID-19, termasuk menyediakan vaksin dan berkongsi kepakaran perubatan. Dalam masa depan yang semakin mencabar akibat perubahan iklim, konflik geopolitik dan persaingan kuasa utama, beta gembira kerana kedua-dua negara terus mengukuhkan perkongsian kita dalam keselamatan makanan dan rantaian bekalan perubatan,

melengkapkan dan memaksimumkan kepakaran dan sumber negara masing-masing.

Pada masa yang sama, kedua-dua negara terus memupuk hubungan yang lebih erat antara warga kita, khususnya melalui Program Pemimpin Muda, yang kini memasuki tahun ke-10. Kedua-dua negara telah mengadakan perbincangan yang membuahkan hasil apabila Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah program itu tahun lepas dan beta yakin dengan Tuan Yang Terutama sebagai Perdana Menteri, kita akan terus mengukuhkan ikatan persahabatan antara kedua-dua negara kita pada tahun-tahun akan datang.

Di sebalik kerjasama dua hala kita, beta juga gembira dengan kerjasama yang berterusan dalam forum serantau dan antarabangsa. Beta amat menghargai sokongan dan bantuan Singapura yang diberikan selama bertahun-tahun semasa Brunei menjadi Pengerusi ASEAN dan APEC. Beta mengharapkan kerjasama berterusan kita dalam forum serantau dan antarabangsa sambil kedua-dua negara berusaha untuk memastikan keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Sebagai penutup, beta dan Duli Raja Isteri mendoakan, Perdana Menteri dan Puan, dikurniakan kesihatan yang baik dan kebahagiaan dan kemajuan serta kemakmuran rakyat Republik Singapura.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh.

WAKTU SEMBAHYANG

Jun MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	8	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	AHAD	9	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	ISNIN	10	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
18	SELASA	11	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.49	6.34	7.50
19	RABU	12	4.35	4.45	6.09	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
20	KHAMIS	13	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
21	JUMAAT	14	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	30 25 °C	31 24 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	30 25 °C	30 24 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	30 25 °C	30 24 °C	32 25 °C
Kuala Belait	30 25 °C	31 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 15 JUN 2024

Jaga adab, etika apabila menggunakan platform perbincangan dalam talian

DALAM era digital sekarang, forum dalam talian telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Forum-forum ini menyediakan platform untuk orang ramai berkongsi fikiran, pendapat dan suara mereka tentang pelbagai topik. Walaupun forum dalam talian ini sedikit sebanyak memberi kebebasan bersuara untuk orang ramai janganlah ia disalahgunakan. Adalah wajar untuk kita sebagai pengguna internet dan media dalam talian untuk menggunakannya dengan berhemah dan untuk sentiasa ingat untuk menghormati pengguna lain. Kita perlu mempunyai sifat bertanggungjawab apabila menyumbang kepada forum dalam talian. Ini adalah penting untuk mengekalkan suasana positif dan produktif untuk komuniti dalam talian.

Forum dalam talian telah wujud selama beberapa dekad, sejak zaman awal internet. Ia bermula dari papan mesej ringkas dan kini telah berubah menjadi platform canggih yang membolehkan orang ramai melibatkan diri dalam perbincangan, perkongsian maklumat dan untuk berhubung dengan individu yang berfikir sama. Apabila kita menyumbang apa-apa komen, pendapat atau buah fikiran dalam mana-mana forum dalam talian, kita perlu ingat bahawa ramai orang akan membaca dan melihat apa yang kita sumbangkan. Oleh itu, kita perlu mempunyai akauntabiliti dan sentiasa menjaga adab dalam perbincangan dalam talian untuk memastikan forum dalam talian itu kekal sebagai tempat untuk dialog dan kerjasama yang bermakna.

Kesan bertanggungjawab apabila menyumbang kepada forum dalam talian adalah meluas. Ia memupuk semangat kemasyarakatan, menggalakkan perdebatan yang sihat dan menggalakkan pemikiran kritis. Dengan melibatkan diri dalam perbincangan dalam talian dengan beretika dan sifat hormat kepada pengguna lain, kita sama-sama boleh meluaskan perspektif, belajar daripada orang lain, dan menyumbang kepada masyarakat yang lebih bermaklumat dan menandai sifat tolak ansur. Sumbangan forum dalam talian yang bertanggungjawab juga membantu memerangi fenomena penyebaran maklumat tidak sahih, mengurangkan ucapan benci (*hate speech*) dan buli siber, mewujudkan ruang dalam talian yang lebih selamat dan inklusif untuk semua pengguna.

Kita perlu ingat walaupun kita boleh memberi komen, buah fikiran atau apa sahaja sumbangan apabila menggunakan forum dalam talian tanpa memberi nama (*anonymous*) ini tidak bermakna kita boleh membuat apa sahaja mengikut kehendak kita. Seperti mana kita cuba menjaga adab dan nama baik kita di luar apabila berjumpa dengan orang di sekeliling kita secara fizikal kita perlu melakukan yang sama apabila 'berjumpa' dengan orang dalam persekitaran *virtual*. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منترى دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PINGAT KEHORMATAN NBD KEPADA 667 PENERIMA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said



>> Muka 1

Berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan NBD selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana

Menteri (JPM).

Berangkat sama pada Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan NBD yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman ialah paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seramai 667 penerima terdiri daripada 257 orang lelaki dan 410 orang perempuan dikurniakan

Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B). Daripada jumlah tersebut, seramai 182 penerima dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; 112 penerima dari Kementerian Kesihatan; 96 penerima dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; 55 penerima dari Kementerian Pembangunan; 157 penerima dari Kementerian Pendidikan; 26 penerima dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; 23 penerima dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta 16 penerima dari swasta.

Bagi memberkati Majlis Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan NBD tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pendalaman, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas sekali, atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



664 DIKURNIAKAN PINGAT KEHORMATAN NBD



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, paduka-paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun kepada 664 penerima

yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan.

Berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan mendahului pengurniaan pingat-pingat bagi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K).

Turut dikurniakan dan menerima P.J.K ialah seramai 32 pegawai dan kakitangan kerajaan yang terdiri daripada seorang penerima dari Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia; tiga penerima dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri; enam penerima dari Jabatan Biro Mencegah Rasuah; 15 penerima dari Kementerian Pertahanan, dan tujuh penerima dari Sokongan Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) yang dikurniakan kepada seramai 556 pegawai dan kakitangan kerajaan yang terdiri daripada lima penerima dari Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia; 115 penerima dari JPM; 360 dari Kementerian Pertahanan; 51 penerima dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi; 16 penerima dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan sembilan penerima dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sementara itu, seramai 44 penerima dari Kementerian Pertahanan menerima Pingat Pahlawan Periwara (P.P); dan 32 penerima dari Kementerian Pertahanan menerima Pingat Asgar Pahlawan (A.P).

Bagi memberkati Majlis Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria; Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat; Timbalan-timbalan Menteri; Pengiran-pengiran Peranakan; Pehin-pehin Manteri; Manteri-manteri Pendalaman; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi; Duta-duta Besar; Setiausaha-setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berkenan mendahului pengurniaan pingat-pingat bagi Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan).

MENERIMA MENGADAP PENGARAH SERANTAU WHO BAGI PASIFIK BARAT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan menerima mengadap Pengarah Serantau Pertubuhan

Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat (WHO Regional Director for the Western Pacific), Tuan Yang Terutama Dr. Saia Ma'u Piukala. Majlis berlangsung di Qashr Al-Meezaan. TYT Dr. Saia Ma'u Piukala telah dilantik secara rasmi menjadi Pengarah Serantau pada 1 Februari 2024, berikutan pencalonan dan pemilihan semasa Mesyuarat Jawatankuasa

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat (WHO Regional Director for the Western Pacific), Tuan Yang Terutama Dr. Saia Ma'u Piukala (atas dan atas kiri).

Serantau Pasifik Barat bagi Pasifik Barat Kali Ke-74 pada tahun lepas. Perbincangan antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan TYT Dr. Saia Ma'u Piukala

antara lainnya menumpukan kepada mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama WHO untuk terus memberikan kepimpinan dalam hal kesihatan serantau dan global serta dalam menyediakan sokongan teknikal kepada negara-negara mengikut

keperluan mereka termasuk dalam pengukuhan sistem kesihatan dan kapasiti institusi yang membolehkan negara-negara ahli menangani pelbagai isu dan cabaran penyakit-penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit dalam iklim global masa kini.

DANA terima sumbangan BND7,650



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim hadir pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM yang juga Ahli Lembaga Pengarah YSHHB hadir bagi menerima derma berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) hari ini telah menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND7,650 daripada penyumbang-penyumbang pelbagai pihak di negara ini. Sumbangan derma tersebut disampaikan pada Majlis

Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim 2024 (AIPC-DANA 2024) di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini. Sumbangan yang diterima terdiri daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan

Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu yang diwakili oleh Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi@Asbi selaku Pengerusi II Kumpulan (isteri Menteri Hal Ehwal Ugama) menyampaikan sumbangan sebanyak BND3,500. Manakala International Women's Club Brunei diwakili oleh Presiden International Women's Club Brunei, Ungku Datin Hajah Fanzah binti Ungku Osman menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,650. Syarikat Pasar Raya Pertama (Madang) diwakili oleh Lim Kian Seng selaku Pengurus Syarikat Pasar Raya Pertama (Madang) menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,000. Sementara Badan Kebajikan Pekerja YSHHB (BKPYSHHB) diwakili oleh Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu selaku Yang Di-Pertua BKPYSHHB menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,000.

Tabung Derma Khairat Pekerja-Pekerja YSHHB (TADEKHA) diwakili oleh Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu selaku Ketua Jawatankuasa Pengurusan TADEKHA juga menyerahkan sumbangan sebanyak BND500. Hadir bagi menerima derma berkenaan ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu yang juga Ahli Lembaga Pengarah YSHHB. Hadir sama, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai kanan YSHHB.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

15 PELAJAR CEMERLANG TERIMA AIPC-DANA 2024



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah tersebut (kiri dan kanan).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Seramai 15 pelajar yang terdiri daripada anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2023 telah terpilih untuk menerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA 2024 (AIPC-DANA 2024) pada kali ini.

Sehubungan itu, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar

Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim 2024 (AIPC-DANA 2024) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan anugerah tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Hadir sama, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu selaku Ahli Lembaga Pengerusi YSHHB.

Seramai lima pelajar menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level dan setiap seorang menerima sijil penghargaan, satu unit komputer

berserta mesin pencetak dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND760.

Sementara itu, lima pelajar menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama Darjah VI (SSSRU) dan menerima sijil penghargaan, seunit komputer berserta mesin pencetak dan juga wang simpanan sebanyak BND500 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

Manakala seramai lima pelajar menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) setiap seorang menerima sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400.

Semasa ditemu bual Pelita Brunei, para pelajar yang menerima anugerah intensif memanjatkan kesyukuran termasuk Awang Mohammad Syukri bin Abdullah berasa gembira kerana sumbangan yang diterima ini merupakan kali kedua setelah cemerlang dalam PSR pada tahun 2022 lalu.

Kemudian, keputusan cemerlang juga terus diraih menerusi Peperiksaan SSSRU semasa belajar di Sekolah Ugama Tanah Jambu dan bernekad untuk terus cemerlang dalam pembelajaran untuk membahagiakan orang tua dan menjadi anak bangsa yang berguna pada masa hadapan.

Sementara Dayang Sharifah Ameerah Arissa binti Syed Mahazir pula sangat bersyukur kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala mencapai pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan PSR dan terpilih menjadi salah seorang penerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA 2024.

"Terima kasih saya ucapkan

kepada DANA dan di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua terutama sekali buat ibu saya, Dayang Hajah Surayah binti Haji Shahir kerana telah memberi semangat dan tunjuk ajar selama ini," ujarnya.

Ibu kepada Dayang Sharifah Ameerah Arissa, Dayang Hajah Surayah juga melahirkan rasa gembira dan ucap syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi di atas penerima Anugerah Pelajar Cemerlang ini dan juga mengucapkan sekalung syabas dan tahniah kepada para penerima yang lain. Dengan adanya majlis seumpama ini, katanya, cukup bermakna bagi menghargai kecemerlangan mereka.

"Pesanan buat anak saya supaya jangan leka dengan kejayaan ini dan saya berharap ia juga menjadi pembakar semangat dan

dorongan agar adik-beradiknya dan mereka yang lain sama-sama berusaha mencapai kejayaan dan kecemerlangan pada masa seterusnya," tambahnya.

Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA merupakan projek tahunan DANA dan tahun ini merupakan Kali Ke-17 diadakan dengan tujuan sebagai pendorong kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dan sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha bagi meraih kejayaan khususnya dalam bidang pelajaran.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai-pegawai



DAYANG Sharifah Ameerah Arissa binti Syed Mahazir bersama ibunya, Dayang Hajah Surayah binti Haji Shahir.



AWANG Mohammad Syukri bin Abdullah bersama kedua-dua orang tuanya.

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA

LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN
LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN
MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN
PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "x" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN
KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN
PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

Bincang perkukuhkan sistem kesihatan kebangsaan, serantau

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat (WHO WPR), Tuan Yang Terutama Dr. Saia Ma'u Piukala di Tingkat 3, Ibu Pejabat, Kementerian Kesihatan.

Lawatan Kerja Tuan Yang Terutama Dr. Saia Ma'u Piukala dan rombongan ke Negara Brunei Darussalam ini bermula 11 hingga 13 Jun 2024.

Isu-isu perbincangan utama Tuan Yang Terutama adalah untuk memperkukuhkan sistem kesihatan kebangsaan dan serantau,

YANG Berhormat Menteri Kesihatan menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat (WHO WPR), Tuan Yang Terutama Dr. Saia Ma'u Piukala.

penjagaan kesihatan sejagat dan perubahan iklim.

Semasa lawatan kerja TYT, antara perkara-perkara yang diharapkan akan dapat dicapai bersama Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam adalah untuk memperlihatkan sistem penjagaan kesihatan dengan fokus kepada penjagaan kesihatan sejagat, iaitu dengan lawatan ke fasiliti-fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan dan sesi perbincangan bersama pakar-pakar; mengongsikan



pelan strategik dan keutamaan-keutamaan Kementerian Kesihatan kepada pihak WHO, pencapaian dan cabaran yang dihadapi Kementerian Kesihatan; dan mendapatkan sokongan dan pertolongan sama ada dari segi

teknikal atau kewangan daripada pihak WHO.

Turut hadir semasa Kunjungan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan

Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman.

HARGAI PENGORBANAN PENDERMA DARAH

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

"Alhamdulillah, aktiviti-aktiviti dan kempen pendermaan darah rancak diadakan secara berterusan di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan melalui Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menyelaraskan kempen-kempen bergerak pendermaan darah di kesemua daerah," terang Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat juga menjelaskan, di mana pada tahun 2023, Pusat Pendermaan Darah telah mencatat sebanyak 17,891 kutipan darah yang disumbangkan oleh 14,267 penderma darah, termasuk 4,099 penderma darah baharu yang berdaftar.

Matlamat yang disarankan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu pencapaian tahunan jumlah penderma darah dalam lingkungan 1-3 peratus daripada jumlah keramaian penduduk bagi memenuhi keperluan negara dalam menangani situasi kecemasan, Alhamdulillah Negara Brunei Darussalam pada tahun 2023 telah mencapai sebanyak 3.0 peratus dan perangkaan ini adalah konsisten dengan pencapaian sejak dari tahun 2014.

Dalam memastikan pencapaian ini sentiasa berterusan, tambah Yang Berhormat lagi Pusat Pendermaan Darah sentiasa aktif mempelawa dan menggalakkan pengelolaan kempen-kempen pendermaan darah secara sukarela bagi memperkasa dan memperluaskan lagi aktiviti seperti semamata untuk menarik lebih ramai lagi penderma darah, sama ada yang sedia ada atau yang belum pernah menyumbangkan darah.

Di samping itu, Yang Berhormat menambah, Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Tabung-tabung Darah di semua

hospital daerah juga terus berusaha untuk menyediakan akses kepada darah dan produk darah yang selamat untuk pesakit dalam kuantiti yang mencukupi kerana ini adalah salah satu komponen yang penting dalam memastikan keberkesanan sistem kesihatan di negara ini.

"Dengan yang demikian, Kementerian Kesihatan menyeru agar penderma-penderma darah dan orang ramai yang berpotensi untuk menderma darah untuk datang ke Pusat Pendermaan Darah atau mana-mana Tabung Darah di negara ini bagi menjalankan usaha yang penuh berkebakikan ini.

"Manakala agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, pasukan seragam, sektor swasta dan NGO adalah juga diseru untuk sama-sama menganjurkan kempen-kempen pendermaan darah demi membantu mengekalkan stok bekalan darah di tahap yang sihat di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi setiap unit darah yang didermakan ia insyaaAllah akan dapat menyelamatkan tiga nyawa pesakit. Bagi memastikan darah yang diberi kepada pesakit adalah selamat dan berkualiti tinggi dan bagi memastikan akses universal kepada darah tersebut, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang dinamakan Komiti Transfusi Hospital (Hospital Transfusion Committee) pada bulan Ogos 2023.

Antara lain matlamat penubuhan jawatankuasa kerja ini tambah Yang Berhormat adalah untuk mentadbir urusan perkhidmatan pemindahan darah secara klinikal di hospital-hospital dan bertanggungjawab ke atas penyampaian proses dan amalan transfusi darah yang selamat dan sesuai dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan pesakit.

Jawatankuasa ini juga berperanan dalam penyediaan forum yang aktif untuk

memudahkan komunikasi antara pihak-pihak yang berkepentingan, mengesyorkan dan melaksanakan audit klinikal, memantau amalan transfusi berbanding institusi kebangsaan atau antarabangsa, dan menyediakan pendidikan yang akan menyumbang kepada perubahan yang baik di dalam amalan transfusi.

Selain itu, ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Makmal juga telah menubuhkan Jawatankuasa Sistem Hemovigilance (Hemovigilance System Committee) pada bulan Oktober 2023.

"Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau keberkesanan sistem transfusi di negara ini dari segi keselamatan penderma, kualiti dan keselamatan produk darah, dan keselamatan transfusi darah. Penubuhan jawatankuasa ini akan membolehkan kualiti sistem transfusi di negara ini terus dipertingkatkan melalui tindakan pembetulan dan pencegahan untuk meningkatkan keselamatan pesakit, meningkatkan keselamatan penderma dan mengurangkan pembaziran sepertimana yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia," jelas Yang Berhormat.

Sebelum mengakhiri perutusan, Yang Berhormat dan seluruh warga Kementerian Kesihatan ingin meraikan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap penderma darah di Negara Brunei Darussalam yang telah banyak berjasa meluangkan masa untuk menderma darah secara sukarela tanpa mengharap sebarang imbalan demi membantu pesakit-pesakit yang amat memerlukannya.

Yang Berhormat juga tidak lupa mengucapkan banyak terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan, institusi pendidikan, pasukan-

pasukan berseragam, sektor swasta dan NGO serta individu-individu perseorangan yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti dan menganjurkan Kempen-kempen Derma Darah selama ini.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah juga kepada semua pegawai dan kakitangan di Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS dan Tabung-tabung Darah di Hospital Suri Seri Begawan, Hospital Pengiran Muda Mahkota Billah dan Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam di atas usaha yang berterusan dan tidak henti-henti dalam memastikan bekalan darah yang selamat sentiasa mencukupi," ujar Yang Berhormat.

Justeru, Yang Berhormat menyatakan sempena Hari Penderma Darah Sedunia marilah kita bersama-sama meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan dalam langkah memastikan bekalan darah mencukupi dan selamat, melalui aktiviti-aktiviti pendermaan darah secara sukarela yang berterusan.

Sehubungan ini, Yang Berhormat juga ingin menyeru dan menggalakkan mereka yang belum pernah menderma darah untuk mula tampil demi kebaikan dan kesejahteraan bersama. Hanya dengan ini, akses kepada bekalan darah yang mencukupi akan dapat terus dinikmati oleh pesakit-pesakit yang memerlukan pemindahan darah yang selamat dan tepat pada masanya.

Bagi orang ramai yang ingin mengetahui maklumat-maklumat lanjut dan terkini mengenai aktiviti-aktiviti Pusat Pendermaan Darah, Yang Berhormat menyarankan orang ramai untuk mengikuti Facebook [bloodbankripas.brunei](https://www.facebook.com/bloodbankripas.brunei) atau Instagram [@bloodbank_ripas](https://www.instagram.com/bloodbank_ripas).

Sementara, bagi mendapatkan slot perjanjian menderma darah di Pusat Pendermaan Darah Hospital RIPAS, orang ramai bolehlah menempah slot melalui aplikasi Bloodkad atau menghubungi Pusat ini menerusi talian +673 2242424 sambungan 5745 / 6001 atau +673 7440267 / +673 7440277 (Hotline / WhatsApp).



KEMENTERIAN Kesihatan menyeru agar penderma-penderma darah dan orang ramai yang berpotensi untuk menderma darah untuk datang ke Pusat Pendermaan Darah atau mana-mana Tabung Darah di negara ini.

HYPO BOX TINGKATKAN KESEDARAN PERAWATAN HYPOGLYCEMIA DENGAN SEGERA, BERKESAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Di Negara Brunei Darussalam, kira-kira satu daripada 10 orang dewasa menderita diabetes, di mana sekurang-kurangnya 20 ke 30 peratus orang dewasa yang dimasukkan ke hospital pada satu-satu masa mengalami diabetes.

Dari jumlah itu, satu dari lima mengalami *hypoglycemia* semasa memasuki mereka dan dikaitkan dengan penginapan hospital yang lebih lama dan kematian yang lebih tinggi.

Seperti yang diketahui, *hypoglycemia* menggambarkan keadaan rendah gula dalam darah yang biasanya dikaitkan dengan gejala seperti gegar, berpeluh, degupan jantung, gangguan / pergolakan, dan dalam kes yang lebih parah, sawan atau koma.

Perkara itu dinyatakan oleh Konsultan Endokrinologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Lina Chong Pui Lin, selaku Pengerusi Majlis pada Majlis Pelancaran Hypo Box bagi Rawatan Hypoglycemia bertempat di Dewan Al'-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Pada pesakit diabetes, kami menganggap *hypoglycemia* sebagai glukosa darah kurang daripada 4 mmol/L, dan *hypoglycemia* adalah komplikasi yang dikira baik pada orang yang menghidap diabetes, terutamanya mereka yang menjalani terapi insulin atau *sulphonylurea*," terangnya.

Tambahnya, ia dianggap sebagai kecemasan perubahan dan perlu dirawat tanpa berlengah kerana *hypoglycemia* yang tidak dirawat mungkin mempunyai akibat yang boleh mengancam nyawa.

Orang yang menghidap diabetes katanya, yang mengalami *hypoglycemia* mungkin tidak mahu untuk meningkatkan terapi glisemik mereka dan ini merupakan halangan yang ketara untuk mengoptimalkan kawalan diabetes mereka.

"Melalui pengalaman kami, banyak kemudahan penjagaan kesihatan tidak dilengkapi dengan rawatan oral *hypoglycemia* kerana ianya tidak tersedia. Akibatnya, mungkin terdapat kelewatan dalam memberikan rawatan yang sesuai untuk membetulkan *hypoglycemia*."

"Kadang-kadang, mungkin terdapat penggunaan 50 peratus *dextrose* yang tidak diperlukan yang berpotensi menyebabkan kecederaan tisu yang serius di kawasan tertentu. Selain itu, terdapat variabiliti yang ketara dalam rawatan *hypoglycemia* dalam persekitaran penjagaan kesihatan kami," ujarnya lagi.

Justeru objektif Hypo Box adalah untuk menyediakan kit yang sedia diakses mengandungi semua bahan habis pakai dan peralatan yang diperlukan di satu tempat yang boleh digunakan untuk merawat *hypoglycemia* tanpa bertangguh.

Kandungan Hypo Box termasuk minuman glukosa, tablet glukosa, biskut kering, 20 peratus cairan *dextrose*, glucagon dan bekalan untuk akses intravenous dan infusi.

Pengenalan Hypo Box di seluruh negara berfungsi sebagai projek peningkatan kualiti untuk meningkatkan keselamatan pesakit dan meningkatkan kesedaran kakitangan agar *hypoglycemia* dirawat dengan segera dan berkesan.

Dr. Lina Chong Pui Lin juga menekankan, berdasarkan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyempurnakan penyerahan Hypo Box kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif bagi hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan yang terpilih.

kajian yang telah dijalankan, menunjukkan pengetahuan yang tidak mencukupi dan kesedaran yang lemah di kalangan kakitangan mengenai *hypoglycemia* dan cara menanganinya.

Oleh itu, seiring dengan pelaksanaan Hypo Box dan Garis Panduan Klinik Hypoglycemia yang dikemas kini, latihan kakitangan giat dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan dan memastikan pengurusan berkaitan *hypoglycemia* mencapai standardisasi.

"Saya mengambil peluang ini untuk menggesa jururawat dan doktor untuk membiasakan diri dengan garis panduan rawatan *hypoglycemia* untuk meningkatkan keselamatan pesakit melalui penjagaan standard," terangnya.

Jururawat mempunyai tanggungjawab yang penting dalam mengekalkan Hypo Box mengikut prosedur operasi standard supaya mereka sentiasa bersedia untuk menangani *hypoglycemia* pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Oleh itu, adalah penting bagi mereka untuk sentiasa mengemas kini dengan pengetahuan kandungan mengenai Hypo Box, serta mahir dalam melakukan pemeriksaan harian dan menggantikan item di dalam Hypo Box.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan Pelancaran Hypo Box bagi Rawatan Hypoglycemia itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Antara objektif Hypo Box adalah sebagai salah satu usaha

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat merasmikan Pelancaran Hypo Box bagi Rawatan Hypoglycemia.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Kementerian Kesihatan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada pesakit diabetes.

Hypo Box ini mengandungi bahan-bahan habis pakai dan peralatan perubahan yang diperlukan untuk merawat hipoglisemia (bacaan paras glukos dalam darah di bawah 4.0 mmol/L) dengan segera bagi pesakit diabetes.

Hypo Box ini akan diberikan di hospital dan pusat-pusat kesihatan kerajaan di Negara Brunei Darussalam agar dapat membantu pesakit yang memerlukan bantuan bagi rawatan *hypoglycemia*.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Guru Ugama, Hospital RIPAS, Awang Haji Mohd Emmarul bin Haji Azamain.

Pada majlis tersebut Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyempurnakan penyerahan Hypo Box kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif bagi hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan yang terpilih.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman, ketua-ketua jabatan, beserta pegawai-pegawai dan kakitangan

di Kementerian Kesihatan.

Pada masa ini, terdapat 18 Pendidik Jururawat Diabetes di seluruh negara sebagai Ketua Pasukan dan 139 jururawat dicalonkan dari pelbagai bidang klinikal bagi memudahkan pelaksanaan Hypo Box dengan lancar.

Selain itu, individu-individu berkenaan juga telah ditugaskan dengan latihan kakitangan mengenai pengurusan *hypoglycemia* dan penggunaan Hypo Box.

Adalah diharapkan agar mereka akan terus memberikan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran rakan sekerja dan rakan sebaya mereka, di samping kementerian juga akan meneruskan usahanya untuk menambah bilangan pendidik jururawat diabetes di negara ini bagi meningkatkan lagi prestasi penjagaan penghidap diabetes.

Doktor dan jururawat hendaklah menyediakan dokumentasi yang cepat dan jelas mengenai *hypoglycemia*, selain juga terdapat templat maklumat mengenai *hypoglycemia* pada Bruhims mengenai dokumentasi dan data yang diterima yang akan lebih membantu sebarang perubahan yang boleh dilakukan untuk memberikan kualiti penjagaan terbaik bagi mereka yang mengalami *hypoglycemia*.



HYPO Box mengandungi bahan-bahan habis pakai dan peralatan perubahan yang diperlukan untuk merawat hipoglisemia (bacaan paras glukos dalam darah di bawah 4.0 mmol/L) dengan segera bagi pesakit diabetes.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hentikan Generasi Pembuli'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024
2. 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024
3. 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

15 anggota PPDB naik pangkat

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Rabu, 12 Jun. - Seramai 15 anggota Pangkat Rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dinaikkan pangkat ke Inspektor, bermula 1 Jun lalu.

Kenaikan pangkat tersebut adalah bagi menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Kenaikan Pangkat telah berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong dan disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali bersama Pengiran Datin.

MAJLIS Penyampaian Kenaikan Pangkat berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin bersama Datin; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan serta ahli keluarga pegawai yang diraikan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Staf Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.



HARI ARKIB ANTARABANGSA : KETENGAHKAN PERUBAHAN, PEMBANGUNAN NBD SEPANJANG 40 TAHUN



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pameran 40 Tahun Brunei : Penjelajahan Interaktif (atas dan kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir menyaksikan pameran ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

BERAKAS, Khamis, 13 Jun. - Arkib Negara Brunei Darussalam (ANBD) telah mengadakan Majlis Pelancaran Pameran 40 Tahun Brunei : Penjelajahan Interaktif sempena Hari Arkib Antarabangsa (HAA) yang berlangsung di Bangunan Arkib berkenaan, Jalan Dewan Majlis, di sini.

HAA disambut pada setiap 9 Jun dan mula disambut pada 2008. Cadangan sambutan tersebut telah pun diajukan apabila pihak International Council on Archives (ICA) melihat fungsi dan nilai arkib dan arkibis tersebut harus dipromosikan di peringkat antarabangsa.

Pada 2019, ICA telah memperluaskan acara tersebut dengan melanjutkannya sepanjang minggu dan menggelarnya Minggu Arkib Antarabangsa (IAW).

Semasa IAW, Institusi Arkib di seluruh dunia akan mengambil bahagian bersama ICA dalam mempromosi nilai dan kepentingan arkib dan arkibis.

Pada tahun ini, tema bagi IAW ialah '#CyberArchives' yang memfokuskan kepada 'Arkib dan Kemunculan Teknologi' (Archives and Emerging Technologies).

Sempena Sambutan HAA tersebut dan selaras dengan tema IAW pada tahun ini, ANBD telah

mengadakan Pameran 40 Tahun Brunei : Penjelajahan Interaktif.

Pameran multimedia interaktif tersebut merupakan usaha sama antara ANBD dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) melalui UTB Capstone Project.

Pameran tersebut akan menumpukan kepada 40 Tahun Negara Brunei Darussalam (NBD) serta mempamerkan perubahan dan pembangunan yang dialami oleh NBD sepanjang 40 tahun yang lalu.

Pameran tersebut mengandungi lima pengisian utama, iaitu Kios 1 : Menyelami suasana pemasyhuran kemerdekaan pada 1 Januari 1984 melalui kaedah Augmented Reality melalui aplikasi Artivive, dan Kios 2 : Menelusuri tiga bangunan utama yang dibiayai melalui Projek Rancangan Kemajuan Negara telah dipilih untuk dipamerkan melalui kaedah *time lapse* video. Tiga buah bangunan tersebut juga dapat dilihat melalui kaedah hologram untuk menonjolkan seni bina yang moden sesuai dengan peredaran zaman dan memperlihatkan kemajuan negara setelah 40 tahun pemasyhuran kemerdekaan.

Sementara Kios 3 : Dengan menggunakan konsep media kekal, kios tersebut menampilkan wawancara daripada beberapa individu dari tiga dekad yang berbeza, iaitu 1980-an, 1990-an dan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



juga 2000-an. Perkongsian di dalam temu bual tersebut difokuskan kepada pandangan mengenai NBD dan pembangunannya sepanjang empat dekad yang lalu.

Manakala Kios 4 : Menampilkan aplikasi permainan dan memberi peluang kepada orang ramai untuk menerokai perjalanan sejarah menuju ke arah kemerdekaan melalui penerokaan interaktif; dan Kios 5 : Dengan menggunakan realiti maya (VR) untuk memberikan pengunjung pengalaman secara 'virtual' Pameran 40 Tahun Brunei : Penjelajahan Interaktif.

Kios tersebut menyediakan pengalaman audio visual interaktif dan YouTube akan digunakan sebagai platform untuk menempatkan bahan realiti maya tersebut, menjadikannya boleh diakses oleh penonton sama ada secara langsung atau dalam talian. Capstone Project adalah salah satu program yang ditawarkan kepada mahasiswa dan mahasiswi dari Sekolah Pengkomputeran, UTB, semasa tahun akhir mereka.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk menyediakan platform bagi mahasiswa / mahasiswi untuk melaksanakan projek-projek *real-world* serta mendapat pengalaman kerja daripada organisasi atau industri yang berkaitan dengan bidang kursus masing-masing.

Melalui inisiatif tersebut,

mahasiswa / mahasiswi akan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka peroleh semasa pembelajaran mereka ke arah menyelesaikan masalah dan isu-isu semasa dan global yang berkenaan dengan bidang masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Pameran 40 Tahun Brunei : Penjelajahan Interaktif ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hassan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Juga berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Quddus bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar ke NBD, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta mahasiswa / mahasiswi dari Politeknik Brunei.

Pameran sempena HAA tersebut dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula 13 hingga 22 Jun 2024. Selain daripada pameran tersebut, sempena IAW2024 juga, ANBD juga akan mengadakan tayangan video pada tarikh tersebut.



MEMBARIGAKAN INSTITUSI PERUNDANGAN RANTAU ASEAN KEPADA BELIA

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Sebagai satu inisiatif bagi memperkenalkan dan membarigakan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan pertubuhan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) kepada golongan belia di negara, satu program pembarigaan telah diadakan iaitu Program AIPA Roadshow bertempat di Dewan Bankuet,

Bangunan Dewan Majlis pada pagi tadi. Program tersebut dianjurkan bersama oleh MMN dan Sekretariat AIPA, dan disokong oleh Majlis Belia Brunei. Seramai 147 orang telah menyertai program tersebut terdiri daripada golongan belia dari universiti, institusi-institusi pengajian tinggi dan Civil Society



PEMANGKU Timbalan Jurutulis MMN, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra hadir pada perasmian Program AIPA Roadshow. Turut hadir, Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Organisations (CSOs) di Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi merasmikan program tersebut, Pemangku Timbalan Jurutulis MMN, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra.

Dalam ucapan alu-aluan, beliau telah menyatakan bahawa MMN, sebagai badan perundangan utama negara adalah komited dalam mewakili kepentingan rakyat dan mencipta persekitaran inklusif.

Menurutnya, pemerkasa belia melalui pendidikan dan penyertaan dalam proses parlimen adalah penting untuk pembangunan mampan dan kerjasama serantau.

Beliau berharap melalui program tersebut akan memberi kefahaman mendalam tentang peranan dan fungsi MMN dan AIPA, serta menggalakkan penglibatan belia dalam memainkan peranan dalam menangani cabaran serantau dan global melalui diplomasi parlimen.

"Penglibatan belia adalah penting untuk membina masa depan yang lebih cerah dan inklusif," ujarnya lagi.

Dalam taklimat pengenalan

MMN, sebagai ahli kepada pertubuhan AIPA, berpeluang untuk memberikan pendedahan kepada belia mengenai fungsi dan peranan MMN.

MMN merupakan landasan penting dalam proses pembangunan dan kesejahteraan rakyat yang bertanggungjawab dalam penggubalan undang-undang.

Program seterusnya turut menyampaikan taklimat yang memberikan kefahaman komprehensif tentang peranan AIPA dalam memajukan kerjasama serantau melalui diplomasi parlimen serta menggalakkan dialog antara ahli parlimen dan belia.

Program AIPA Roadshow tersebut bertujuan untuk menggalakkan penglibatan belia dalam perkembangan komuniti ASEAN, mengukuhkan hubungan kerjasama dan meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu yang menjadi keprihatinan dan kepentingan rantau ASEAN.

Atur cara program juga termasuk sesi dialog yang disertai oleh beberapa ahli panel, terdiri daripada Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat

Dayang Chong Chin Yee; dan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Turut serta sebagai ahli panel semasa sesi dialog tersebut, Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Pemangku Timbalan Jurutulis MMN dan Awang Muhammad Zainul-Akhyar bin Amer Hairunuddin selaku wakil ASEAN Youth Negara Brunei Darussalam.

Sesi tersebut memberi peluang kepada para peserta program untuk berinteraksi dengan ahli panel dalam menyuarakan pendapat dan pandangan.

Program diakhiri dengan sesi lawatan ke Dewan Persidangan MMN.

Diharapkan dengan mengadakan program tersebut, dapat memberi inspirasi kepada belia dan meningkatkan kesedaran mereka tentang peranan penting belia serta institusi perundangan dalam membina masa depan yang lebih baik untuk rantau ASEAN.

Memperkuhkan kerjasama, ketahanan siber di rantau ASEAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

JERUDONG, Rabu, 12 Jun. - Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 bersidang bagi hari kedua, untuk menimbang dan meluluskan draf laporan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 dan seterusnya diikuti dengan Majlis Penutup Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof selaku Pengerusi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 yang bersidang selama dua hari itu telah membincangkan isu 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy'. Ahli-ahli Parlimen menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam meningkatkan ketahanan siber di rantau ASEAN.

Perwakilan-perwakilan Negara ASEAN telah menekankan keperluan penyelarasan dasar dan undang-undang bagi melindungi infrastruktur digital, mempromosikan inovasi dan menyokong pertumbuhan ekonomi digital. Saranan Ahli Parlimen

dipengerusikan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, selaku Pengerusi Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 (bawah kiri), manakala gambar kanan, Majlis Penutup diakhiri dengan penandatanganan Laporan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15.

AIPA adalah bagi meningkatkan kesedaran dalam literasi digital dan kesedaran akan keselamatan siber. Dalam menyokong usaha serantau ini, Ahli-ahli Parlimen akan berusaha untuk mengambil langkah-langkah konkrit dalam memperkuhkan kerjasama dan ketahanan siber di rantau ini.

Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 menutup tirai dengan Majlis Transfer of Office kepada negara penganjur seterusnya iaitu Kemboja. Majlis Penutup diakhiri dengan penandatanganan Laporan Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 oleh Ketua-ketua Delegasi Parlimen sebagai tanda persetujuan dan kesepakatan bersama menerusi mesyuarat dan perbincangan yang telah diadakan.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan dalam ucapan penutupnya berkata, melalui pandangan yang dikongsikan semasa mesyuarat dan



dibentangkan dalam laporan negara delegasi berkaitan 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation: Towards a Future of Safe and Vibrant Digital Economy', Yang Berhormat melahirkan keyakinan bahawa daya tahan siber kekal sebagai asas keselamatan negara dan serantau, kestabilan ekonomi dan kemampanan sosioekonomi yang memerlukan strategi yang canggih dan berkesan seiring dengan kemajuan teknologi yang sentiasa berubah.

"Kita bergerak ke hadapan bersama-sama dan meneruskan kerja kolektif kita dalam menangani isu-isu kebimbangan bersama

dengan matlamat ke arah membina komuniti ASEAN yang padu, berdaya saing, berdaya tahan dan makmur. Selepas dua hari pertukaran dan perbincangan yang aktif, Mesyuarat AIPA CAUCUS Ke-15 kini mencapai kesimpulannya. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya kepada anda semua atas penyertaan aktif awda dan sumbangan berharga dalam menjayakan mesyuarat ini," terang Yang Berhormat lagi.

Laporan Mesyuarat AIPA Caucus ke-15 akan dikemukakan kepada Persidangan AIPA Ke-45 di Republik Demokratik Rakyat Lao untuk diluluskan.



Delegasi AIPA CAUCUS Ke-15 kunjungi BKISHHB

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



DELEGASI Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15 mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Rombongan delegasi Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) CAUCUS Ke-15 hari ini mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) sebagai salah satu program mesyuarat (*excursion programme*) sekali gus mempromosi koleksi-koleksi budaya seni Islam dan

Negara Brunei Darussalam.

Ketibaan rombongan seramai lebih 60 orang perwakilan-perwakilan Parlimen Negara ASEAN tersebut dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

Rombongan delegasi AIPA CAUCUS Ke-15 berpeluang melawat dan menerima penerangan mengenai bahan-bahan pameran yang ditempatkan di dalam sembilan buah galeri kekal.

BKISHHB merupakan sebuah institusi yang menyimpan dan mempamerkan khazanah warisan Islam yang sangat berharga serta berperanan dalam menjalankan aktiviti pengumpulan, penyelidikan, pengkajian, pengembangan dan penyebaran maklumat dan ilmu-ilmu Islam.

Bangunan tersebut menempatkan sembilan galeri kekal iaitu Kebestarian Raja;

Mushaf; Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Athar Sahabat; Warisan Ilmu I; Warisan Ilmu II; Tanda-tanda Kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala; Astronomi dan Kesenian Islam, Tongkat dan Tasbih.

Sebelumnya dikenali sebagai Balai Pameran Islam

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB), BKISHHB telah dibuka secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 Oktober 2019.



PEMANGKIN PERUBAHAN UNTUK MASA DEPAN MAMPAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab semasa berucap menekankan akan pentingnya kemampunan dan transformasi digital dalam dunia hari ini selain memuji para pelajar atas dedikasi dan semangat mereka sepanjang Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam - ASEAN University Network (UBD-AUN Summer Camp) 2024.

Pada Majlis Penutup Kem Musim Panas yang berlangsung di Dewan Senate, Dewan Canselor UBD, Dayang Hajah Tutiaty menggesa agar para peserta menjadi pemangkin perubahan, sokongan untuk kemampunan dan pemacu persekitaran hijau yang lebih berdaya tahan.

Tegasnya, bersama-sama kita memacu perubahan yang ketara, memberi inspirasi kepada orang lain untuk menyertai misi kemampunan dan mewujudkan warisan penjagaan alam sekitar dan berusaha ke arah masa depan yang kukuh.

Perasmian penutup kem tersebut disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty, bersama-sama tetamu lain termasuk Pemangku Naib Canselor UBD, Dr. Joyce Teo Siew Yean; Timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, Dayang Hajah Dahlia binti Haji Aliakbar serta wakil-wakil dari Sekretariat AUN.

Penyelaras Program Global Discovery, Awang Jaini Bin Haji Jumat, merakamkan ucapan terima kasih atas kejayaan kem musim panas tersebut dan menyetujui rangka kerja komprehensif program untuk meningkatkan, mengubah dan memberi inspirasi kepada peserta

SETIAUSAHA Tetap KSSUP semasa hadir pada Majlis Penutup Kem Musim Panas (kanan), manakala gambar bawah kiri, sekitar majlis berkenaan.

sebagai ejen perubahan.

Awang Jaini seterusnya mengiktiraf sumbangan besar rakan usaha sama, termasuk Unit SDG Pejabat Sekretariat Wawasan Brunei dan Green Brunei dan juga sokongan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, UBD Corporation Sdn. Bhd., dan Aewon Brunei.

Kem Musim Panas AUN - UBD 2024 membawakan tema 'Green Horizons: Harnessing Digital Transformation for Biodiversity and Sustainable Development' diadakan selama dua minggu dan disertai oleh mahasiswa mahasiswi dari lebih 21 universiti di seluruh AUN termasuk UBD.

Program tersebut menyetujui pelbagai aktiviti seperti bengkel pembangunan pelajar, pembentangan topik utama dan kempen pembersihan pantai sebagai mencerminkan komitmen yang kuat terhadap penjagaan alam sekitar.

Para peserta turut berkongsi pengalaman mereka tentang kem tersebut, salah seorang daripadanya iaitu Dayang April Chooi dari Universiti Kebangsaan Malaysia berkata, "Kem Musim Panas ini telah menjadi pengalaman yang membuka mata, memberi inspirasi kepada saya untuk memulakan *non-profit organisation* saya sendiri di negara asal saya".

Sementara Dayang Kuroshini A/P Sathurugnan Saravanan menyatakan, kepelbagaian aktiviti telah mendorong dirinya untuk menyumbang lebih banyak kepada masyarakat dan merasa teruja tentang prospek untuk menyambung pengajian di UBD.

Acara kemuncak program tersebut ialah Penanaman Bunga Green Horizons di Kampus UBD, yang melambangkan komitmen bersama mereka terhadap kemampunan dan kesan berkekal daripada kem musim panas itu.



Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn



BRUNEI 2024
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2024

KOMITMEN MEMELIHARA EKOSISTEM SEMULA JADI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 13 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab menjelaskan bahawa pemuliharaan biodiversiti bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata. Menurutnya, setiap individu, komuniti dan organisasi mempunyai kepentingan dalam melindungi ekosistem penting itu.

"Dengan mengakui tanggungjawab kita bersama, kita dapat mengenal pasti langkah-langkah yang sesuai di samping menunjukkan komitmen ke arah memelihara ekosistem

semula jadi," ujarnya pada Majlis Penutup Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Sama seperti dalam mana-mana inisiatif tambahan, kerjasama adalah penting dan terdapat keperluan untuk membina perkongsian yang akan menyatukan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk badan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan sokongan.

Dengan mengumpulkan sumber, pengetahuan dan kepakaran jelasnya lagi, kita boleh meningkatkan impak dan

menyediakan penyelesaian kepada pelbagai cabaran yang dihadapi dalam pemuliharaan biodiversiti.

Terdahulu, beliau menjelaskan, sepanjang tiga hari yang lalu, mereka menunjukkan kerjasama yang baik ke arah pencapaian objektif persidangan itu. Menurutnya, perbincangan mereka mengukuhkan pemahaman mengenai hubungan rumit antara ekosistem dan kesejahteraan manusia dan dalam masa yang sama, menekankan keperluan mendesak untuk pendekatan bersepadu dan inovatif bagi mengekalkan ekosistem semula jadi.

Oleh itu, tambahnya lagi, persidangan itu menyediakan tempat untuk penyaluran

inisiatif dengan usaha dan rangka kerja global yang bertujuan untuk memelihara sumber-sumber berharga ini.

Beliau menjelaskan, topik tematik merangkumi pelbagai kebimbangan termasuk perbincangan mengenai perkhidmatan ekosistem, inovasi, penglibatan belia, ekosistem marin, perubahan iklim, ekonomi mampan dan hasil ekspedisi saintifik baru-baru ini mengenai biodiversiti.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa berucap pada majlis berkenaan.



Persidangan Biodiversiti NBD tutup tirai



SETIAUSAHA Tetap KSSUP hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup persidangan berkenaan.

BERAKAS, Khamis, 13 Jun. - Persidangan Biodiversiti Negara Brunei Darussalam yang berlangsung selama tiga hari di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, berakhir hari ini.

Persidangan yang bertemakan 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainability' merupakan anjuran bersama antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersempena dengan Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2024 (Brunei MYCE 2024).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup persidangan berkenaan ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab. Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dan para jemputan berkesempatan mendengarkan Sesi Tematik Topik

7 - 'Scientific Expedition: Exploring Brunei Darussalam's Biodiversity'.

Sesi tematik tersebut melibatkan seramai lapan pembentang terdiri daripada ketua-ketua kumpulan penyelidik yang telah mengikuti ekspedisi saintifik yang telah diadakan pada 30 Mei hingga 8 Jun 2024 yang lalu bertempat di Hutan Simpan Batu Apoi, Temburong.

Pada majlis tersebut juga, rumusan persidangan disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim. Atur cara majlis berakhir dengan ucapan penutup oleh tetamu kehormat.

Turut hadir, Pengarah Institute for Biodiversity and Environmental Research (IBER), UBD, Dr. Hussein bin Haji Taha; perwakilan asing

di Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kanan dari KSSUP, UBD dan juga peserta-peserta persidangan.



SEKITAR Persidangan yang bertemakan 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainability' (atas kanan dan kiri).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak

PENTING SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- Permohonan tidak akan diproses.
- Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Mesyuarat tekankan keperluan menanggapi teknologi baharu



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (ASEAN Senior Transport Officials Meeting – STOM) Kali Ke-57 dan Dialog Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN dan Amerika Syarikat (ASEAN-United States Senior Transport Officials Dialogue - ASEAN-US STOD) Kali Ke-3 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Jun. - Mesyuarat Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN (ASEAN Senior Transport Officials Meeting – STOM) Kali Ke-57 dan Dialog Pegawai-pegawai Pengangkutan Kanan ASEAN dan Amerika Syarikat (ASEAN-United States Senior Transport Officials Dialogue – ASEAN-US STOD) Kali Ke-3 telah berlangsung pada 11 hingga 13 Jun 2024 di Pulau Pinang, Malaysia. Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi menghadiri mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin

Haji Mohammad Yusof. Mesyuarat STOM Ke-57 ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook pada 11 Jun 2024. Dalam ucapan pembukaannya, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook telah merakamkan penghargaan ke atas usaha-usaha oleh Kumpulan-kumpulan Pengangkutan ASEAN dalam melaksanakan rangka kerja Kuala Lumpur Transport Strategic Plan (KLTP) 2016-2025 semenjak tahun 2015 semasa kepengerusian Malaysia yang lalu. Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook seterusnya menekankan kepentingan untuk menanggapi

bersama isu-isu sedunia seperti perubahan iklim, globalisasi dan perkembangan kemajuan teknologi, serta pemuliharaan penuh daripada wabak pandemik COVID-19 dan mengambil peluang yang bermanfaat kepada rantau ASEAN. Mesyuarat STOM Ke-57 telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Yang Mulia Dato' Jana Santhiran Muniayan yang juga selaku Pengerusi ASEAN STOM pada tahun 2024. Mesyuarat STOM Ke-57 telah membincangkan status pelaksanaan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek di bawah rangka kerja KLTP

2016-2025 yang dilaksanakan oleh Kumpulan-kumpulan Kerja Pengangkutan ASEAN. Mesyuarat mengambil perhatian kepada inisiatif-inisiatif berkaitan kesalinghubungan dan keberdayahtanahan, termasuk perkembangan beberapa garis panduan yang akan mendukung peralihan rantau ASEAN kepada ekonomi karbon rendah. Di samping itu, mesyuarat ini juga menekankan keperluan untuk menangani teknologi baharu termasuk peluang-peluang dan cabarannya, seperti penggunaan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), sekuriti siber, serta penggunaan, perkongsian dan privasi data dalam peralihan sektor pengangkutan ke arah transformasi digital. Hasil daripada Mesyuarat STOM Ke-57 ini akan dibincangkan dengan lanjut semasa Mesyuarat STOM ke-58 yang akan menumpukan ke arah menyelesaikan Annual Priorities / Key Deliverables

for Transport in 2024 untuk dihidangkan dan dipertimbangkan semasa Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ASEAN Transport Ministers Meeting - ATM) Kali Ke-30 nanti. Mesyuarat juga bertukar-tukar pendapat mengenai status pelaksanaan kerjasama bersama Rakan-rakan Dialog seperti China, Jepun dan Republik Korea dan juga bersama Amerika Syarikat melalui Dialog Pegawai-pegawai Kanan Pengangkutan ASEAN dan Amerika Syarikat Kali Ke-3 yang telah diadakan pada 13 Jun 2024. Turut hadir pada Mesyuarat STOM Ke-57 ialah pegawai-pegawai kanan dari MTIC serta pihak berkuasa di bawahnya. ASEAN STOM bersidang dua kali setahun untuk mereview dan menyelaraskan program-program, aktiviti-aktiviti dan projek-projek berkaitan pengangkutan untuk pertimbangan Mesyuarat ATM yang akan diadakan pada penghujung tahun.

AKTIFKAN PERANAN BELIA DA'IE BERDAKWAH

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Program Qiyamullail dan Pejuang Fajr Kali Ke-13 yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, sebahagian yang turut hadir pada program berkenaan.

MANGGIS, Jumaat, 14 Jun. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) awal pagi tadi mengadakan Program Qiyamullail dan Pejuang Fajr Kali Ke-13 yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran

Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal. Program tersebut terbahagi kepada dua sesi yang mana sesi pertama ialah Qiyamullail manakala

sesi kedua ialah Pejuang Fajr yang dibukakan kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie dan orang awam. Qiyamullail dan Solat Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Tingkat III, masjid berkenaan, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani. Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Kahfi dipimpin oleh Pengerusi Badan Sukarelawan Belia Da'ie, Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam. Manakala, Tazkirah Subuh pula disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang yang bertajuk 'Peristiwa Korban: Demi Allah, Aku Sanggup!'. Antara inti pati tazkirah ialah mengenai kronologi kisah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail yang berkorban demi menunaikan

perintah Allah. Sebuah pengorbanan perlu didasari atas tiga perkara iaitu, reda dengan perintah Allah dan ikhlas menunaikannya; membuat perbincangan sebelum membuat keputusan dan; bersabar dalam membuat ketepatan. Program ini telah disiarkan secara langsung melalui Instagram rasmi @Belia Da'ie dan rakamannya juga boleh ditonton di laman Instagram tersebut. Sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan dengan dihadiri seramai 170 orang termasuk para jemputan khas, pegawai dan kakitangan PDI dan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir masjid, Muslimah masjid, belia-belia masjid senegara dan juga orang-orang persendirian. Tujuan program diadakan adalah untuk menggiatkan peranan Belia Da'ie sebagai pertubuhan

belia yang bertanggungjawab melaksanakan dakwah dan Al'Amr bil Ma'ruf wan Nahy 'anil Munkar di Negara Brunei Darussalam melalui kempen Solat Subuh, di samping menanamkan rasa kebersamaan dan silaturahim dalam kalangan belia dengan orang awam. Selain itu, ia adalah sebagai medium dakwah kesedaran bagi para belia agar sentiasa menunaikan Solat Fardu Subuh serta mengimarahkan masjid dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Program juga mengajak dan menggalakkan para Ahli Jawatankuasa Takmir masjid, Belia Da'ie, ahli rasmi malahan orang awam untuk sentiasa melazimi sunnah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk membaca Surah Al-Kahfi pada setiap Jumaat.

BRUNEI 2024 TERAPKAN PRINSIP KEWANGAN ISLAM, TANGANI CABARAN, CAPAI MATLAMAT NEGARA



BRUNEI Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama INCEIF University, Malaysia serta dengan sokongan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) menganjurkan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) Conference 2024.

BERAKAS, Rabu, 12 Jun. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama INCEIF University, Malaysia serta dengan sokongan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menganjurkan Brunei Darussalam Islamic Capital Market (BICAM) Conference 2024 sebagai salah satu pengisian bagi Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2024 (Brunei MYCE 2024).

BICAM 2024 yang turut disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Standard Chartered Bank Brunei (SCB), berlangsung dari 12 hingga 13 Jun 2024 di Mulia Hotel, Berakas, di sini.

Bertemakan 'Mobilising Islamic

Capital Market for Sustainable Development', antara lain objektif persidangan tersebut adalah untuk menampilkan pakar-pakar tempatan dan antarabangsa yang terkemuka untuk membincangkan isu dan cabaran yang relevan dalam pembangunan pasaran modal Islam terutama dalam konteks Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga akan meneroka strategi-strategi yang berkaitan untuk mempertingkatkan kedayatanaan, kelestarian dan keterangkuman ekosistem pasaran modal Islam, di samping berkongsi pengalaman negara-negara lain mengenai impak pasaran modal terhadap pertumbuhan ekonomi.

BICAM 2024 juga dihasratkan

akan dapat membantu untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam yang berpotensi sebagai sebuah destinasi pusat kewangan Islam antarabangsa.

Hari pertama persidangan berkenaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat yang antara lain menyampaikan penghargaannya kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas peluang untuk menyertai acara tahunan Brunei MYCE.

Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada INCEIF University atas kerjasama sebagai rakan acara untuk menganjurkan BICAM buat kali ketiga.

Selain itu, Dayang Hajah Sufinah

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

menekankan kepentingan inisiatif meningkatkan kesedaran dan pendidikan untuk menggerakkan pasaran modal Islam bagi pembangunan mampan, selaras dengan objektif persidangan.

Persidangan kemudian diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis, Pengarah Urusan, BDCB, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BILIF.

Dalam ucapannya tersebut, beliau menekankan kepentingan untuk mengambil peluang serta menerokai inovasi dalam menerapkan prinsip kewangan Islam untuk menangani cabaran dan mencapai matlamat negara.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai peranan penting teknologi dalam memajukan industri, menekankan potensi teknologi untuk memacu transformasi ke arah kecekapan dan perkembangan.

Beliau turut menggesa usaha kerjasama di kalangan pengamal industri pasaran modal Islam, pihak regulator dan pihak berkepentingan untuk menangani cabaran-cabaran baru seperti kedayatanaan siber, teknologi kewangan, dan perubahan iklim, di samping menegaskan kepentingan untuk menyediakan penyelesaian holistik bagi memastikan kestabilan dan pertumbuhan sektor pasaran modal Islam.

Barisan penceramah-penceramah antarabangsa yang menyampaikan pembentangan khas semasa persidangan tersebut termasuklah Pengarah Komite Nasional Ekonomi dan Keuangan Syariah (KNEKS), Indonesia, Dr. Sutan Emir Hidayat;

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas, HGC Firm, Indonesia, Dr. Hurriyah El Islamy; Profesor Kewangan Islam, Hamad Bin Khalifa University (HBKU), Qatar, Profesor Dr. Eskandar Shah; dan Pakar Mobilisasi Sumber Kanan, Islamic Development Bank (IsDB), Mohd Yusri bin Yusof.

Persidangan tersebut turut memuatkan sesi-sesi perbincangan panel yang menampilkan 23 penceramah tempatan dan antarabangsa yang membahas mengenai pelbagai topik berkaitan dengan tema persidangan.

BICAM 2024 akan diteruskan pada hari kedua dengan pembentangan yang merangkumi topik-topik seperti 'Challenges of Achieving Sustainable Development Goals (SDGs)', 'Waqf Sustainable Solutions'; 'Sukuk - A Formidable Sustainability Instrument'; 'Seeding Sustainability through Waqf'; dan 'Digital Assets and Sustainable Development'.

Persidangan tersebut akan diakhiri dengan ucapan penutup oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, INCEIF University, Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd Azmi Omar.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan dan kepimpinan di negara ini, sentiasa komited menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutama dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @bilif.bn.

Bersama meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak



TUNGKU LINK, Khamis, 13 Jun. - Kementerian Pendidikan (MOE) hari ini mengadakan Majlis Penutup Program Perkembangan Kapasiti Pusat Serantau 'Holistic Integrated Early Childhood Care Education : Our Happy Neighbourhood' yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Majlis yang berlangsung selama empat hari tersebut bermula pada 10 Jun lalu adalah anjuran bersama Jabatan Sekolah-sekolah melalui Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Jabatan Pengurusan Pendidik, MOE, Negara Brunei Darussalam dengan Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Early Childhood Care Education and Parenting (SEAMEO CECCEP), Indonesia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Sekolah-

sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis yang antara lain menjelaskan lima modul yang telah dimuatkan ke dalam program adalah merupakan asas kepada pembangunan pendidikan awal yang komprehensif dan menyeluruh bagi pendidikan awal kanak-kanak.

"Modul pertama adalah Happy Children yang menentang mengenai kepentingan untuk memahami kanak-kanak dan hak mereka khususnya dalam perlindungan, pemantauan dan pengaksasan mereka dalam pendidikan.

"Happy Parents adalah modul kedua yang menentang mengenai tentang kebahagiaan dan

kesejahteraan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam memberi sokongan yang positif dan berkualiti kepada perkembangan anak-anak mereka," jelasnya.

Manakala modul ketiga terangnya, Happy School membincangkan tentang sekolah tidak hanya menjadi tempat pembelajaran tetapi juga menjadi tempat setiap kanak-kanak berasa bahagia, diterima dan dihargai dalam proses pembelajaran mereka bagi membentuk asas yang kukuh untuk perkembangan kanak-kanak yang berjaya dan berdaya maju.

Katanya, modul keempat, iaitu Happy Teachers membincangkan tentang kesejahteraan guru-guru mencipta persekitaran penyayang dengan kanak-kanak berasa selamat, disokong dan berdaya untuk belajar dan berkembang ke arah potensi sepenuhnya.

Menurutnya yang terakhir ialah Happy Community yang mementingkan rangkaian yang dinamis dan inklusif, keluarga, pendidik dan ahli komuniti bekerja bersama untuk mencipta persekitaran yang menyokong dan memperkaya pertumbuhan pembelajaran kanak-kanak prasekolah untuk berkembang dan mencapai potensi sepenuhnya.

"Ini jelaslah bahawa konsep Happy Neighbourhood yang telah dibincangkan di dalam program berkenaan meliputi pendekatan holistik untuk memupuk kesejahteraan dan perkembangan kanak-kanak prasekolah dalam komuniti terdekat mereka," tambahnya.

Beliau seterusnya berharap agar ilmu yang diperoleh daripada

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad



PENGARAH Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Marina Chek binti Bujang hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Perkembangan Kapasiti Pusat Serantau 'Holistic Integrated Early Childhood Care Education : Our Happy Neighbourhood' (atas kiri), manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

bengkel dan juga amalan-amalan terbaik yang disampaikan akan dapat memberikan inspirasi dan dijadikan contoh ikutan yang dapat dikongsikan kepada seluruh pemimpin sekolah bagi meningkatkan kualiti pendidikan khususnya di peringkat prasekolah di negara ini.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Pengarah SEAMEO CECCEP, Indonesia, Profesor Vina Adriany dan disusuli dengan ucapan daripada wakil peserta, iaitu guru prasekolah dari Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Awang Haji Ahmad Rifaie bin Haji Abdul Malek.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil penyertaan

kepada 86 peserta program serta sijil penghargaan kepada 12 fasilitator dari Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, Riset dan Teknologi dan SEAMEO CECCEP, Indonesia.

Program tersebut bukan sahaja menekankan pentingnya pendidikan awal kanak-kanak yang holistik dan bersepadu dalam membentuk masa depan yang cerah untuk generasi akan datang, malahan ia juga telah memaparkan usaha bersama untuk mengubah paradigma penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak, serta memperkenalkan pendekatan yang menyeluruh dalam menangani keperluan kanak-kanak pada peringkat awal perkembangan mereka.

KHATAM AL-QURAN RAIKAN 20 MURID DARJAH VI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



MULAUT, Khamis, 13 Jun. - Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 20 murid Darjah VI yang diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Para peserta terdiri daripada

sembilan murid lelaki dan 11 murid perempuan yang telah berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz yang juga mengepalai bacaan Surah

Al-Fatihah beramai-ramai bagi memulakan acara. Seterusnya, bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam yang membacakan dari Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas.

Bacaan Takhtim pula dipersembahkan oleh murid-murid perempuan Darjah IV dan



YANG Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz hadir selaku tetamu kehormat, yang juga mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai bagi memulakan acara (atas), manakala gambar kiri, Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 20 murid Darjah VI yang diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

V sekolah berkenaan. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh salah seorang peserta Khatam iaitu Mohd. Syazwan Nabil bin Irwan.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban oleh murid-murid lelaki Darjah IV dan V dan diteruskan dengan penyampaian Sijil Khatam oleh tetamu kehormat majlis. Sebelum mengakhiri majlis, Doa Selamat

dibacakan oleh salah seorang tenaga pengajar sekolah itu, Awang Haji Mohd. Rafie bin Haji Abdullah.

Adapun tujuan majlis tersebut diadakan antara lain bagi menyahut hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping sebagai galakan bagi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya dan amalan harian.

119 pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SERAMAI 119 pelajar Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77 diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama (atas, kanan dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Seramai 119 pelajar Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jalan 77 diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang telah berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat

Bomba dan Penyelamat, Jalan Landasan Lama, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Unit Pentadbiran & Kewangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hartini binti

Haji Morni.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh guru sekolah berkenaan, Awang Irma Shukrin bin Haji Metussin, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh peserta khatam dan Takhtim oleh pelajar-pelajar perempuan Darjah IV dan V. Doa Khatam dibacakan oleh Muhammad Zakwan bin Muhammad Ameerul Asyraf.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat kepada setiap peserta khatam, diiringi Persembahan Dikir Marhaban oleh pelajar-pelajar lelaki Darjah IV dan V. Pelajar-pelajar yang diraikan juga direnjis dengan minyak wangi oleh tetamu kehormat dan ibu-bapa yang hadir.

Majlis seumpamanya merupakan acara tahunan khusus bagi murid-murid Darjah VI yang akan

menamatkan pengajian mereka di sekolah berkenaan. Antara tujuan majlis diadakan ialah sebagai galakan dan motivasi kepada murid-murid agar dapat

mengamalkan membaca Al-Quran sebagai amalan harian di rumah walaupun telah tamat pengajian di sekolah ugama sepertimana yang dituntut oleh agama Islam.



Selamatkan Usus Awda.
Labukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan **kanser kolorektal**, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihannya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَّهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفِرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَىٰ الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوؤُكَ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُؤُكَ بِذَنْبِي، فَاعْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsiannya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملش (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Taghabun, ayat 15 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah sebagai fitnah (ujian). Dan di sisi Allah jualah pahala yang besar".

Agama Islam memandang harta itu sebagai kurnia, nikmat dan sekali gus amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Kemewahan harta memang sering kali mendapat tempat yang terlalu tinggi dalam hati manusia sehingga terdapat segelintir manusia yang terlalu kabur dalam menghalalkan apa saja cara untuk mendapatkan harta kekayaan. Namun tidak kurang juga orang yang terlalu boros dalam membelanjakan hartanya untuk kepentingan dirinya sendiri dan bakhil untuk menggunakan harta tersebut di jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya kemewahan harta dan ketinggian pangkat sememangnya adalah nikmat yang tanpa kita sedari ia jua adalah ujian yang melalaikan sehingga menjadikan kita hamba-Nya yang suka bermegah-megah. Sememangnya sifat bermegah-megah ini adalah suatu yang merosakkan hati dan perasaan dan ia sesuatu yang melumpuhkan manusia daripada matlamat yang hakiki di dunia yang sementara ini.

Godaan harta itu sememangnya kadang-kadang menyilaukan mata dan membutakan hati terutama bagi mereka yang lemah imannya dan kurang pengetahuan

Menginfakkan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala

agamanya. Seinggakan kerana melimpah ruahnya harta, ramai yang terjerumus dalam kehancuran di dunia dan kecelakaan di akhirat. Tanpa keteguhan iman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, harta akan membawa kesengsaraan bagi yang memilikinya.

Di dalam Al-Quran ataupun hadis, tidak ada satu pun nas yang melarang orang Islam untuk mengumpul harta dan kekayaan. Akan tetapi, apa yang dilarang adalah bermewah-mewah dengan harta benda dan membiarkan jiwa dan hati menjadi hamba kepada harta.

Kita perlu mencontohi salah seorang sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Abdul Rahman bin Auf Radiallahuanhu. Beliau adalah antara sahabat yang dijanjikan syurga oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan terkenal dengan harta kekayaannya. Walaupun beliau seorang yang hartawan namun kemewahan Abdul Rahman bin Auf sebagai seorang pedagang tidak menjadikannya lalai daripada menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang beriman.

Namun sebaliknya beliau menangisi kekayaannya sehinggalah pada suatu hari, Abdul Rahman bin Auf menangis tersedu-sedu lalu orang bertanya kepadanya apakah yang menyebabkan beliau menangis itu, lalu jawabnya, "Sesungguhnya Mus'ab adalah lebih baik daripada aku kerana dia meninggal dunia pada zaman Rasulullah dan waktu meninggal dunia dia tidak memiliki sepotong kain yang dapat dijadikan kapan untuk membungkusnya. Sesungguhnya Hamzah bin Abdul Motalib adalah manusia yang lebih utama daripada saya padahal dia tidak mempunyai kain yang dapat dijadikan kapan untuk memakamkannya. Aku khawatir aku ini termasuk di antara orang-orang yang dipercepat untuk menikmati kebahagiaan dunia fana ini dan aku khawatir bahawa aku akan tersisih daripada para sahabat Nabi di akhirat kelak disebabkan aku mempunyai banyak harta".

Akan tetapi kekayaan yang melimpah-limpah itu, tidak menghalangnya menjadi orang yang paling dermawan dalam mengorbankan harta kekayaan di jalan Allah Subhanahu Wata'ala dan yang paling pemurah dalam berbuat kebajikan terhadap fakir miskin.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kita harta dan rezeki yang lebih, ia bukanlah untuk kita mewah berbelanja, akan tetapi untuk kita lebih memberi. Ini kerana dalam setiap rezeki atau harta yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain di dalamnya.

Harta dan rezeki yang kita peroleh bukan hanya digunakan untuk kepentingan diri kita sendiri akan tetapi ia juga boleh

dimanfaatkan atau diinfakkan ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan cara bersedekah, mengeluarkan zakat, berwakaf dan seumpamanya.

Dalam agama Islam, kita amat digalakkan untuk bersedekah dan bantu-membantu antara satu sama lain. Anjuran infak atau membelanjakan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala ada dijelaskan dalam Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Munafiqun, ayat 10 yang tafsirnya : "Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada kamu sebelum kematian datang kepada salah seorang daripada kamu lalu dia pun berkata : "Ya Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau tangguhkan kematianku hingga beberapa waktu lagi supaya aku dapat bersedekah dan aku termasuk dalam golongan orang-orang soleh".

Infak atau membelanjakan harta dengan bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat atau wakaf bukan sahaja dapat membantu golongan fakir miskin dan membantu orang yang memerlukan, bahkan ia juga dapat membantu diri kita sendiri.

Melalui amalan infak ini dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh dari bersifat pentingkan diri sendiri dan seumpamanya. Selain itu, amalan infak ini juga boleh mengelakkan kita daripada bersifat kedekut, bakhil dan tamak.

Sesungguhnya amalan infak di jalan Allah Subhanahu Wata'ala ini mempunyai darjat yang tinggi dan mendapat balasan yang sangat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya :

Pertama : Dibalas berlipat ganda, sebesar apa pun harta yang kita belanjakan di jalan Allah tidak akan mengurangi harta malah Allah Subhanahu Wata'ala akan menggantikan dan menambah hartanya dengan berlipat ganda.

Kedua : Orang-orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah Subhanahu Wata'ala adalah termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman dan bertakwa.

Alangkah besarnya ganjaran bagi orang-orang yang suka membelanjakan sebahagian rezeki dan hartanya dengan hati yang ikhlas dan hanya mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata. Orang-orang yang membelanjakan harta mereka di jalan Allah Subhanahu Wata'ala tanpa takut akan menjadi miskin, akan memperoleh rahmat yang menakjubkan dalam kehidupan mereka. Yakini bahawa setiap harta yang diberikan di jalan Allah Subhanahu Wata'ala itu akan beroleh pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya infak adalah amalan

mulia. Berinfak dengan penuh keikhlasan akan menjanjikan ganjaran pahala buat kita semua. Setiap perbuatan yang baik akan dibalas dengan kebaikan. Amalan infak ini merupakan salah satu amalan yang dituntut untuk dihayati dalam kehidupan seharian, sebagaimana yang sering dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda amat terkenal sebagai seorang yang pemurah dan dermawan.

Inilah amalan mulia yang patut dicontohi dan dihayati oleh setiap umat Islam pada hari ini. Oleh itu, janganlah kita kedekut untuk mengeluarkan sebahagian rezeki kita untuk membantu orang yang memerlukannya. Ingatlah dalam setiap rezeki yang kita peroleh itu terdapat juga hak orang lain. Maka apalah salahnya jika kita berkongsi dengan orang lain.

Alhamdulillah, pada ketika ini Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam telah dibukakan kepada orang ramai mulai 27 Februari 2024 yang lalu hingga 26 Disember 2024. SMS ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, wang tunai juga boleh diserahkan kepada Urus Setia Tabung Dana di Jabatan Hal Ehwal Masjid dan transaksi melalui bank juga boleh dibuat secara *online* atau *walk in*. Sesungguhnya kemuliaan dan keutamaan mereka yang menyumbang atas kukuhnya pembinaan masjid itu dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala masing-masing akan mendapat tempat kediaman (rumah) di syurga kelak.

Akhirnya, mudah-mudahan segala yang kita sedekahkan dan infakkan dengan tulus ikhlas, semata-mata membesarkan syiar agama Islam, menghidupi kegiatan keagamaan dan amal kebajikan itu diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan dan keberkatan yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiju benih yang menumbuhkan tujuh tangkai tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Baqarah, ayat 261)

Pilih Islam sebagai pegangan hidup

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG Jumaat, 14 Jun. - Seorang wanita berbangsa Dusun memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah hari ini.

Majlis Pengislaman diadakan di rumah kediaman Awang Haji Sukairi bin Haji Tamin, di sini.

Nujum binti Dian kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Dayang Nur Aisyah binti Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan lafaz pengislaman daripada Dayang Nur Aisyah dan diakhiri dengan laungan Dikir Marhaban.

Unit Pengislaman, Bahagian Dakwah Daerah Brunei dan Muara mencatatkan seramai 398 orang sudah memeluk agama Islam sejak 1 Januari hingga 31 Disember 2023. Manakala pada tahun ini, seramai



MAJLIS Pengislaman Nujum binti Dian yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Dayang Nur Aisyah binti Abdullah (atas dan kanan).

144 orang di seluruh negara Islam dari 1 Januari hingga 4 Jun telah dicatatkan memeluk agama 2024.



MENGINFAQKAN HARTA DI JALAN ALLAH SWT



KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 7 ZULHIJAH 1445H/14 JUN 2024M

DALAM AGAMA ISLAM, KITA AMAT DIGALAKKAN UNTUK BERSEDEKAH DAN BANTU-MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN

INFAQ

- Infaq: membelanjakan harta dengan bersedekah, menderma, mengeluarkan zakat/waqaf
- Melatih jiwa untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh dari bersifat pentingkan diri sendiri dan seumpamanya
- Mengelakkan kita daripada bersifat kedekut, bakhil dan tamak

SESUNGGUHNYA AMALAN INFAQ DI JALAN ALLAH SWT INI MEMPUNYAI DARJAT YANG TINGGI DAN MENDAPAT BALASAN YANG SANGAT BESAR DI SISI ALLAH SWT, ANTARANYA:

1. Dibalas berlipat ganda, sebesar apa pun harta yang kita belanjakan di jalan Allah, tidak akan mengurangi harta malah Allah SWT akan menggantikan dan menambah hartanya dengan berlipat ganda
2. Termasuk dalam golongan orang-orang yang beriman dan bertaqwa

TABUNG DANA BAGI PEMBINAAN MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- Dibukakan kepada orang ramai mulai **27 Februari 2024 – 26 Disember 2024**
- Antara cara-cara untuk menyumbang:
 - ✓ Perkhidmatan pesanan ringkas (SMS)
 - ✓ Menyerahkan wang tunai kepada Urusetia Tabung Dana di Jabatan Hal Ehwal Masjid
 - ✓ Transaksi melalui bank (Online/Walk-in)

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
 JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (www.recruitment.gov.bn)
4. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Berpautan / Papat / Pasport / Salinan Kelulusan / PSCR yang berkuatkuasa)
5. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
6. Lengkapi Maklumat (Bermula / Persekitaran / Persekitaran Perkhidmatan Awam / Lulusan Kelulusan / Kelulusan Profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK SUPERSCALE B (BAHAGIAN I) 2024/MAY/02/JPM	JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	19 JUN 2024
2. PEGAWAI PENYELIDIK KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2024/JUN/01/KPTH	JABATAN ARAS DASAR PERTAHANAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN	02	38(B)	19 JUN 2024
3. PEGAWAI PENDIDIKAN PG.3 (BAHAGIAN II) 2024/JUN/02/KPDK	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	50	38(B)	22 JUN 2024
4. PEGAWAI PELAJARAN KANAN G.15 (BAHAGIAN II) 2024/JUN/03/KPDK	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	02	38(B)	24 JUN 2024
5. PEMBANTU TEKNIK D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2024/JUN/05/KPDK	POLITEKNIK BRUNEI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	01	7(A)	24 JUN 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Syarat-Syarat Permohonan Untuk Menjadi Wakil Pos

Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Komunikasi, dengan ini mempelawa orang ramai untuk memohon menjadi Wakil Pos bagi Kampung Sungai Bunga.

Kelayakan dan Syarat-Syarat

- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Tingkatan III. Pemohon yang mempunyai kelulusan tinggi daripada itu adalah satu kelebihan.
- Mesti berumur diantara 18-35 tahun.
- Keutamaan diberikan kepada belia-belia yang berhasrat untuk meningkatkan dan memajukan diri mereka supaya mempunyai perniagaan sendiri.
- Pemohon hendaklah benar-benar berminat untuk menjalankan tanggungjawab sebagai Wakil Pos. Prestasi kerja calon yang berjaya akan dinilai dari masa ke masa.
- Pemohon hendaklah mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah.

g) Pemohon yang berjaya akan dilantik secara percubaan selama satu tahun dan akan disambung selama dua tahun tertakluk kepada prestasi dalam masa percubaan.

h) Elaun BND200.00 sebulan. Pembayaran elaun ini tertakluk kepada penilaian ke atas prestasi kerja harian.

Tugas-tugas yang dikendalikan

- Mengambil mel dari Pejabat Pos yang telah ditetapkan termasuk benda berdaftar, benda pos laju, bungkusan yang telah dilepaskan Kastam, pada waktu bekerja setiap hari.
- Membuat penyerahan kepada penerima mengikut alamat.
- Mengesahkan dan melaporkan status penyerahan dan juga masalah penyerahan kepada Pejabat Pos yang ditetapkan.
- Mengendalikan lain-lain perkhidmatan yang difikirkan sesuai oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Bagaimana mendapatkan Borang Permohonan

Borang permohonan boleh diperolehi:-
 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar, Jalan Elizebeth II, Bandar Seri Begawan, BA8610

dan setelah lengkap diisi hendaklah hantar kepada **Ketua Pos Agung, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari Selasa, 25 Jun 2024.** Pemohon-pemohon akan ditemu duga mengikut tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.



Bilangan Tawaran:
 JPE / LTK / PDP / 029 / 2024

Tajuk Tawaran:
 Technical Maintenance Of Tungku Substation GIS Over A Period Of Two Years

Tarikh Tutup:
 9 Julai 2024 Selasa, Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
 BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
 "Tender Box"
 Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
 Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 Dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
 07 / JMM / S / 12 / 91 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:
 Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Fumigasi Terhadap Rekod-Rekod

Tarikh Tutup:
 Khamis, 27 Jun 2024, Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
 JDB / 4.1 / KAD JEMPUTAN / E / 2024

Tajuk Tawaran:
 Sebut Harga Mencetak Dan Membekal Kad-Kad Jemputan, Kad-Kad Masuk Di Padang Bandaran Dan Dewan Santap, Kad-Kad Letak Kereta, Sarung-Sarung Surat Untuk Jemputan, Lembaran Kenangan, Kad Menu Santap, Sampul Surat dan Letterhead Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun Peringkat Daerah Belait.

Yuran Tawaran:
 BND 5.00

Tarikh Tutup:
 Selasa, 18 Jun 2024, Jam 2.00 Petang



Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
 28 / MEI / KKBS / BKBN / PJD / 1.56 / 24

Tajuk Sebut Harga:
 Pembelian Hadiah Bagi Program Jati Diri Kohort 6

Tarikh Tutup:
 Khamis, 27 Jun 2024, Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
 IKAN / 78(Q) / 0002 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
 Replace And Install Seawater Supply Pump System With Related Accessories Including Testing And Commissioning At Keramat Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
 IKAN / 78(Q) / 0003 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
 Replace And Install Seawater Supply Pump System With Related Accessories Including Testing And Commissioning At Seawater Pump Station, Pantai Serasa, Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
 Khamis, 27 Jun 2024, Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
 JKP / SH / 2024 – 2025 / 08

Tajuk Tawaran:
 Designing, Construction, Furnishing And Dismantling Of Brunei Darussalam Pavilion And Other Logistics For Natas Holidays 2024, 16 - 18 August 2024, Singapore Expo Hall 4 & 5, Singapore

Tarikh Tutup Tawaran:
 Khamis, 27 Jun 2024, Jam 2.00 Petang





- 1) Tennis Court, HBNSC
- 2) Unit Pengurusan Estet Office At Tennis Court

Bilangan Tawaran:
(66) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Menglait Sport Complex

Bilangan Tawaran:
(69) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
Dismantle, Move And Fix Gymnasium Equipment From The National Swimming Centre To Stadium SMRC Strength And Conditioning Unit

Bilangan Tawaran:
(70) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
Menyediakan Lagu Dan Musik Video Bagi Video Utama Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis 27 Jun 2024



Bilangan Tawaran:
(60) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Track & Field, HBNSC

Bilangan Tawaran:
(61) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Indoor Stadium, HBNSC

Bilangan Tawaran:
(62) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Multi Purpose And Pedestrian Mall, HBNSC

Bilangan Tawaran:
(63) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Berakas Sports Complex

Bilangan Tawaran:
(64) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For Sungai Kebun Complex

Bilangan Tawaran:
(65) JBS / ADM / QC / 2024

Tajuk Tawaran:
General Building Term Maintenance For A Period Of Twenty-Four (24) Months For



IKLAN TARIKH LANJUTAN

Jabatan Ukur Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JUA / 02 / 2022

Upgrading And Migrating The Current Geoportal Technology To The Latest Version Hosted At OGPC And NCDB With Support And Maintenance For Survey Department, Ministry Of Development

Yuran Tawaran :
BND1000.00
(tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen :
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan kepada :
Selasa,
25 Jun 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



IKLAN TARIKH LANJUTAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01/ KPB04 / M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
25 Jun 2024

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 015 / 2024

Nama Projek:
Membekal dan Memasang Paip Air Inlet Baru Ke Tangki Simpanan Lumapas 2, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa 9 Julai 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Nama Dokumen Sebut Harga:
Penyediaan Dan Pemasangan Reruai Dan Kelengkapan Sambutan Bulan Bahasa 2024

Bilangan Sebut Harga:
07 / DBP / SH / 2024-2025

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
Rabu,
19 Jun 2024



Bilangan Tawaran :
JDT / IMK / 01 / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Jamuan Mesyuarat, Acara / Aktiviti Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Daerah Tutong Dan Majlis Perundingan Mukim Dan Kampung Daerah Tutong

Bilangan Tawaran :
JDT / KPD / 04 / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
General Maintenance To Tutong District Office (Janitorial Works) For A Period Of 9 Months.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
10 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
05 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Mencetak Buku-Buku Terbitan Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 27 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
06 / JMM / S / 12 / 91
(2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian Shelving System, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 27 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang



Jabatan Daerah Belait Kementerian Hal EHWal Dalam Negeri

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.1 / PA SYSTEM PERSEMBAHAN KHAS / B / 2024

Nama Projek:
Sebut Harga Bagi Pakej Menyewakan Dan Mengendalikan Set Pembesar Suara (PA System) Bagi Persembahan Khas Majlis Ramah Mesra Dan Junjung Ziarah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait

Bilangan Sebut Harga:
JDB / 2.3 / PA SYSTEM PENTAS

MALAM PERAYAAN / C / 2024

Nama Projek:
Sebut Harga Bagi Pakej Menyewakan Dan Mengendalikan Set Pembesar Suara (PA System) Bagi Persembahan Pentas Malam Perayaan Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-78 Bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN MENTERI 1 BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Peminat Semasa Mkn	KESEKUTUPAN
Bilangan Mkn: 2022JUN03	1. TANGGAPAN: Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat.
Jawatan: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT 8	2. TANGGAPAN: Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat.
Kementerian: KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	3. TANGGAPAN: Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat.
Jabatan: PUSAT SEBARAH BRUNEI	4. TANGGAPAN: Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat.
Unit:	5. TANGGAPAN: Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat. Mkn (Mkn) adalah satu platform dalam talian untuk Mkn / Peminat.

SKIM IKLAN

PROGRAM SUA MUKA KONGSI, BINCANG ISU SEMASA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin



TUTONG, Khamis, 13 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 3, Mukim Telisai, Daerah Tutong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Bukit Beruang, Jalan Bukit Bincaloi, di sini.

Hadir selaku ketua rombongan Jabatan Penerangan ialah Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah yang disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Turut hadir menyampaikan maklumat terkini kepada penduduk-penduduk kampung berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan

Air, Jabatan Kemajuan Perumahan dan DST Network (DSTN) Sdn. Bhd.

Antara maklumat yang disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Perkhidmatan Air mengenai pembarigaraan TID Rollover dan meter pintar yang mana penggantian mandatori kepada Sistem Meter Pintar (USMS) adalah percuma.

Seterusnya daripada DSTN pula membarigakan manfaat USMS yang mana pengguna dapat melihat penggunaan dari semasa ke semasa, boleh mengawal penggunaan dan menjimatkan perbelanjaan kepada penduduk kampung dan sekitarnya.

Ketua rombongan dalam mukadimah beliau telah menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat, dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita

PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah hadir selaku ketua rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bagi Kampung Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 3, Mukim Telisai, Daerah Tutong (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada program berkenaan.

Brunei.

Program Sua Muka ini jelas beliau adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Ketua Kampung Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 3, Awang Azman bin Haji Ismail dalam ucapan balas menyambut baik program berkenaan yang tentunya dapat memberikan manfaat dan peluang keemasan kepada penduduk kampung berkenaan untuk mendengar maklumat-maklumat terkini yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan dalam mengungkapkannya penyelesaian tentang beberapa isu yang

dikemukakan dan perlu diketahui oleh penduduk kampung.

Sesi dialog bersama penduduk-penduduk kampung jelas beliau, dapat memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung untuk bertukar fikiran dan pandangan dalam usaha ke arah kemajuan dan kesejahteraan kampung dan juga Negara Brunei Darussalam. Adalah diharapkan program seumpama ini akan dapat

diteruskan dari semasa ke semasa.

Program berkenaan turut diisikan dengan perkongsian maklumat daripada agensi-agensi Kerajaan yang diundang dan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan keselamatan, prasarana, kemudahan awam dan perancangan kemajuan kampung.



Perasmian siaran Pitch & Produce 4.0



PEMANGKU Ketua Bahagian Rancangan TV, RTB, Dayang Aminah binti Metali menyempurnakan penyampaian penghargaan kepada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) (atas), manakala gambar kanan, Majlis Pelancaran Siaran Pitch & Produce 4.0 diadakan di Kompleks Penyiaran RTB Sungai Akar.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

SUNGAI AKAR, Khamis, 13 Jun. - Sejumlah 10 buah syarikat penerbitan swasta telah berjaya dan layak terpilih mengikuti Projek Siaran Pitch & Produce 4.0.

Daripada 10 buah syarikat tersebut, tiga buah syarikat iaitu Paperplane Media, OneTeamFilm Production dan Oddbox telah memilih untuk siaran melalui

platform RTBGo dan selebihnya melalui Progresif Media. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Siaran Pitch & Produce 4.0 diadakan di Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB) Sungai Akar, di sini.

Pada majlis tersebut, Pemangku Ketua Bahagian Rancangan TV, RTB, Dayang Aminah binti



Metali turut menyempurnakan penyampaian penghargaan kepada Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) yang diwakili oleh Pemangku Penolong Ketua Eksekutif, Kumpulan Pembangunan Industri, AITI, Dayang Siti Zaraura binti Haji Mohammad.

Pitch & Produce 4.0 merupakan sebuah projek inisiatif AITI, di mana pihak Jabatan RTB

melalui Seksyen RTBGo telah bekerjasama dalam menjayakan projek ini sejak Pitch & Produce 2.0 pada tahun 2022.

Tujuan projek ini adalah bagi menyediakan platform untuk syarikat penerbitan tempatan dalam menyediakan kandungan (*content*) melalui platform OTT Tempatan berunsurkan video panjang atau pendek mengikut genre rancangan masing-masing.

Sehubungan itu, tayangan siaran

secara eksklusif daripada terbitan rancangan oleh tiga syarikat penerbitan swasta berkenaan akan mula disiarkan bersempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah melalui platform RTBGo.

Pihak AITI akan melaksanakan lagi Pitch & Produce 5.0 dan telah membukakan penyertaan kepada syarikat penerbitan swasta untuk mengikuti projek tersebut bermula 11 hingga 28 Jun 2024.

PEMANGKIN INSPIRASI UNTUK TERUS BERBAKTI

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

GURU Ugama di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Awang Norasikin bin Haji Zainal.

Penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia selama 23 tahun ini berkata, beliau menganggap tugasnya satu perjuangan yang memerlukan usaha konsisten.

"Bagi saya, usaha berkenaan bukan sahaja melibatkan tugas saya sebagai pegawai pendidikan dalam membantu para pelajar meningkatkan pembelajaran mereka tetapi juga dalam meningkatkan kualiti kerja saya di Jabatan Kewangan, Maktab Duli yang bertanggungjawab mengatur kewangan maktab tersebut," katanya kepada Pelita Brunei.

Beliau juga turut melahirkan harapan agar pengurniaan pingat berkenaan akan menjadi pemangkin inspirasi serta mendorong beliau untuk terus meningkatkan dedikasinya bagi membantu pihak kerajaan dan negara mencapai objektif melalui bidang tugas yang diceburi.

Beliau juga menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan pingat tersebut.

Selain itu, beliau turut

menzahirkan penghargaan kepada kawan-kawan serta ahli-ahli keluarga beliau atas sokongan yang diberikan dan berharap agar anugerah tersebut akan memberi contoh serta semangat kepada anak-anak beliau untuk melangkah lebih maju ke hadapan, di samping menyuntik semangat mereka agar terus berusaha dengan gigih demi kebaikan diri sendiri dan negara.

Sementara itu, seorang lagi penerima P.I.K.B, Awang Norasikin bin Haji Zainal berkata, anugerah tersebut sangat besar maknanya bagi beliau dan ia merupakan penghargaan serta pengiktirafan terhadap khidmat beliau dengan Kerajaan Kebawah DYMM selama 22 tahun sebagai Guru Ugama di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Beliau berasa bersyukur kerana telah diberikan kepercayaan oleh guru besar di tempat beliau bertugas, iaitu Sekolah Rendah Ugama Penanjong Tutong, yang menilai tugas dan khidmat bakti yang telah beliau sumbangkan bukan sahaja kepada sekolah malahan juga masyarakat.

Tambahnya, guru yang cemerlang dan berkualiti memainkan peranan dalam membentuk masa hadapan pelajar dan melahirkan generasi yang berjaya.

Sehubungan dengan itu, beliau menzahirkan harapan untuk meningkatkan lagi kualiti kerja beliau sebagai seorang guru demi bangsa dan negara.

Beliau juga turut menyebarkan

setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan pingat tersebut dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan serta memberkati usia baginda, mengurniakan baginda kesihatan yang baik dan kekal karar memerintah negara.

Beliau juga mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada guru besar di sekolah beliau bertugas, Pegawai Pengajian Islam Daerah Tutong dan rakan-rakan sekerja yang telah sama-sama berganding bahu untuk meningkatkan nama sekolah, juga kepada masyarakat.

Manakala Pegawai Kewangan di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Ruzeimah binti Haji Ahmad Sarkawi, yang telah berkhidmat dengan kerajaan Kebawah DYMM selama 20 tahun mengongsikan bahawa beliau tidak menyangka akan terpilih untuk menjadi penerima pingat pada tahun ini.

"Walaupun bagaimanapun, saya bersyukur dan sangat berbesar hati dengan pengurniaan ini dan diharap akan menjadikan pembakar semangat kepada saya sendiri dan juga kepada penerima-penerima yang lain, selain sebagai pendorong untuk terus berbakti untuk negara kitani," katanya.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Usaha yang konsisten adalah salah satu kunci utama bagi menambah baik kualiti pekerjaan dan meningkatkan keberkesanan pengajaran serta pembelajaran, selaras dengan objektif negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pegawai Pendidikan dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli), Hajah Dayang Suzana binti Haji Awang Tamin menyatakan perkara tersebut pada Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, di Istana Nurul Iman, pagi tadi.



PEGAWAI Pendidikan dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (Maktab Duli), Hajah Dayang Suzana binti Haji Awang Tamin dan Pegawai Kewangan di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Dayang Ruzeimah binti Haji Ahmad Sarkawi (kiri dan kanan).

Suntik semangat untuk terus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Memiliki sifat positif, rajin, tekun, komited dan berdisiplin, mencerminkan sikap yang perlu ada pada semua individu dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Setiap warga yang berkhidmat juga perlu bertanggungjawab disertakan dengan sifat amanah, jujur, tidak *camah* mata dan hendaklah sentiasa bersedia bila diperlukan tanpa memberi berbagai alasan bagi mengelak dari melakukan tugas yang diarahkan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Pegawai Melesen Perikanan, Dayang Amela Ayu Ashikin binti Haji Osman ketika ditemui semasa Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun, yang berlangsung di Istana Nurul

Iman.

Beliau yang berkhidmat sebagai penjawat awam selama 18 tahun, melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan kurnia-Nya kerana terpilih menjadi salah seorang penerima Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada hari ini.

"Di kesempatan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan pingat sempena Hari Keputeraan baginda yang ke-77 Tahun, didoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala melanjutkan usia baginda, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dan kekal karar memerintah negara".

"Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan atas sokongan bagi menerima Pingat Indah Kerja Baik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Perikanan," ujarnya.

Beliau seterusnya berharap dan menyarankan kepada yang lain untuk sentiasa sama-sama meningkatkan integriti mutu kerja serta sentiasa memupuk sifat-sifat yang baik dan terpuji dalam menjalani apa juga tugas yang dilaksanakan.

Menurut Ketua Kerani Khidmat Bantuan Kombatan Tentera Diraja Brunei, 17716 PW2 Mohd. Nur Mardini Khan bin Awang Ali yang telah berkhidmat selama 18 Tahun 10 Bulan, turut melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas Pengurniaan P.I.K.B kepadanya.

"Saya mengambil keputusan untuk menyertai kerjaya tentera atas dorongan dan sokongan ibu, bapa dan isteri serta minat sejak kecil lagi. Selepas memasuki latihan tentera, ia telah melatih atau mengajar saya dan rakan menjadi seorang pemimpin yang akan memimpin anggota-anggota bawahan," ujarnya.

Beliau juga turut mengambil peluang yang ada untuk memimpin kerani-kerani tentera di dalam unit tersebut dalam menjaga kebajikan dan pentadbiran unit serta menjadi tulang belakang pegawai-pegawai atasannya.

Akhirnya, beliau menasihatkan kepada rakan-rakan yang lain untuk memikul tanggungjawab dengan jujur, menjaga amanah yang diberikan.

Dengan pengurniaan pingat tersebut, akan memberikan semangat kepada beliau lagi untuk terus meningkatkan kualiti kerja dan akan berusaha dengan lebih gigih lagi.

Bagi Dayang Hajah Suzlinawati

binti Haji Mohin yang merupakan Kerani Jawi / Arab, Jabatan Mufti Kerajaan turut melahirkan perasaan gembira dan terharu serta merasa sangat berbesar hati, menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan pingat tersebut.

Berkhidmat selama 16 tahun 6 bulan, beliau juga mengongsikan, menjadi penjawat awam yang berguna haruslah menjaga amanah dan telus dalam memikul tanggungjawab setiap tugas serta komited melaksanakan tugas atau arahan yang diberikan.

Beliau menyarankan agar setiap penjawat awam memiliki sifat bertanggungjawab, sentiasa menjaga disiplin, patuh terhadap rukun dan etika kerja walaupun sudah lama berkhidmat, berusaha memperbaiki apa jua kelemahan serta bersedia memberikan komitmen sepenuhnya menjalankan setiap tugas.

Menurut Penolong Kuartermaster Sarjan Jama'at, Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 17514 SSJN Ampuan

Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas rezeki yang dikurniakan kepadanya dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan pingat kerana baginya ia merupakan satu penghormatan besar dan penghargaan terhadap usaha dan dedikasi sepanjang berkhidmat selama 19 tahun dengan Kerajaan Kebawah DYMM.

"Seorang penjawat awam yang berguna mestilah mempunyai sikap ikhlas, jujur, amanah dan rasa tanggungjawab dalam apa jua tugas yang diberikan. Selain itu juga perlu mempunyai integriti yang tinggi, komitmen terhadap tugas, kecekapan dalam melaksanakan tanggungjawab, serta sentiasa bersedia untuk belajar dan menambah baik diri," tambahnya.

Beliau seterusnya berharap agar dapat lebih menabur jasa dan bakti kepada agama, bangsa dan negara dan menyarankan kepada semua penjawat awam terus berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan demi kebaikan bangsa dan negara di samping sentiasa bersikap proaktif, berinovasi, dan menjunjung tinggi nilai-nilai murni dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.



Pegawai Melesen Perikanan, Dayang Amela Ayu Ashikin binti Haji Osman dan Kerani Jawi / Arab, Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Hajah Suzlinawati binti Haji Mohin (kiri dan kiri sekali).



PENOLONG Kuartermaster Sarjan Jama'at, Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 17514 SSJN Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad dan Ketua Kerani Khidmat Bantuan Kombatan Tentera Diraja Brunei, 17716 PW2 Mohd. Nur Mardini Khan bin Awang Ali (kiri dan kanan).



51 MURID DIRAIKAN DALAM MAJLIS KHATAM AL-QURAN

SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran Murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama Rimba II, Brunei III Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Rimba II (kiri dan bawah kanan).

■ Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Manakala, bacaan Doa Khatam diketuai oleh Awang Al-Hasyir Darwisy bin Muhammad Iman Ghazali.

Majlis turut diserikan lagi dengan bacaan Dikir Marhaban yang disampaikan oleh pelajar-pelajar lelaki Darjah V, yang diselajarkan dengan Acara Merenjis Minyak Wangi dan Penyampaian Sijil kepada peserta khatam oleh Pengetua Sekolah Menengah Rimba II. Doa selamat pula dibacakan oleh guru sekolah berkenaan, Awang Haji Abdul Mujahiddin bin Haji Metussin.

Majlis tersebut antara lain bertujuan untuk menggalakkan

pelajar - pelajar untuk mengkhatamkan Al-Quran sebelum mereka menamatkan pembelajaran Darjah VI di persekolahan ugama.

Selain untuk mendidik pelajar-pelajar agar aktiviti membaca Al-Quran dijadikan sebagai amalan harian dalam kehidupan mereka, di samping menghayati dan mengamalkan pengajaran yang terkandung dalam Al-Quran, serta mendidik pelajar-pelajar supaya sentiasa membaca Al-Quran dengan betul dan lancar berpandukan hukum tajwid, sekali gus agar mutu bacaan mereka ditingkatkan.

RIMBA, Rabu, 12 Jun. - Seramai 51 murid yang terdiri daripada 22 lelaki dan 29 perempuan petang tadi diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran Murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama Rimba II, Brunei III Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Rimba II, di sini.

Hadir ialah Pengetua Sekolah Menengah Rimba II, Dayang Hajah Siti Khadijah binti Haji Awang Damit.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang diketuai oleh Guru Sekolah Ugama Rimba II, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh peserta khatam.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim oleh pelajar-pelajar perempuan Darjah V.



LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Menggalakkan generasi celik Al-Quran



SEKOLAH Ugama Tanjung Kindana, Sungai Bunga semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Murid-murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

SUNGAI BUNGA, Rabu, 12 Jun. - Sekolah Ugama Tanjung Kindana, Sungai Bunga, petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Murid-murid Darjah VI Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bagi meraikan 18 peserta khatam terdiri daripada 12 murid lelaki dan enam murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran. Majlis diadakan di Masjid Kampung Sungai Bunga, Daerah Brunei dan Muara.

Majlis tersebut merupakan usaha pihak sekolah bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping sebagai galakan bagi menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya dan amalan harian.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diketuai oleh tetamu khas majlis, Ketua Unit Perhubungan Awam, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal



Ehwal Ugama, Awang Izwandy bin Haji Hamdan.

Diteruskan dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam. Diikuti bacaan Takhtim oleh murid-murid perempuan Darjah IV dan V Sekolah Ugama

Tanjung Kindana. Manakala, Doa Khatam dibacakan oleh Awang Mohamad Haikal bin Harman.

Majlis diserikan lagi dengan Persembahan Dikir Asyraqal oleh murid-murid lelaki Darjah IV dan V, dan

diteruskan dengan penyampaian sijil khatam oleh tetamu khas majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Mohamad Sahdatul Azmi bin Haji Samat.



TEACHMEGURU WAKILI NEGARA SERTAI NEXTRISE 2024 SEOUL

■ Berita dan Foto : Ihsan Mohammad Kasyful Azhim Abdullah

hubungan, berkongsi pandangan baharu dan mempersembahkan inovasi-inovasi yang menakjubkan di peringkat antarabangsa.

Acara tersebut disertai sebanyak 1,200 perusahaan dan 206 syarikat-syarikat maju.

Teachmeguru yang akan diwakili oleh Pengasas Teachmeguru; Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof, Zainul Abidin bin Haji Mohammad dan Mohammad Kasyful Azhim bin Abdullah.

Teachmeguru juga akan mempersembahkan inovasi dan teknologi mereka di peringkat antarabangsa melalui aplikasi

'Pandai' yang bertujuan dalam membantu dan mendidik para pelajar dan guru di peringkat sekolah rendah dan menengah, di samping membantu para ibu bapa dalam memantau pembelajaran anak-anak mereka.

Pada tahun lepas, sebanyak 30 buah syarikat ASEAN telah mengikuti pertandingan ASEAN Korean Start Up Competition dan Teachmeguru telah meraih tempat kedua semasa pertandingan tersebut.

Pada tahun ini, Teachmeguru telah diberikan peluang untuk mengikuti ekspo terbesar di Asia.

TEACHMEGURU yang akan diwakili oleh Pengasas Teachmeguru; Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof, Zainul Abidin bin Haji Mohammad dan Mohammad Kasyful Azhim bin Abdullah akan menyertai NEXTRISE 2024 Seoul yang akan diadakan pada 13 dan 14 Jun 2024, anjuran ASEAN-Korea Centre.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Jun 2024, anjuran ASEAN-Korea Centre ialah pameran perusahaan terbesar di Asia.

NEXTRISE merupakan tempat di mana para usahawan, pelabur, dan pemimpin industri boleh membina

Pastikan haiwan ternakan korban mengikut syarat


Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad
MOHAMMED Shahibol Fareez bin Mohammed Norfaizal semasa ditemu bual.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Jun. - Tempahan bagi haiwan korban telah mendapat permintaan awal dari orang ramai yang akan melaksanakan ibadah



SYARIKAT Mohammed Norfaizal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak telah membuka pendaftaran bagi tempahan kerbau, lembu dan kambing untuk ibadah korban pada tahun ini sejak sebelum bulan Ramadan lagi (atas kanan, atas dan bawah).



"Antaranya ialah tempahan dari institusi seperti masjid yang telah mengumumkan lebih awal kepada jemaah untuk ikut serta dalam ibadah korban.

"Kami seterusnya akan menyediakan haiwan korban mengikut jumlah yang telah ditempah," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, kebanyakan pelanggan mereka terdiri daripada pelanggan yang memang membuat tempahan dengan syarikat itu setiap tahun termasuk pihak masjid, balai ibadat serta jabatan kerajaan; dan orang ramai yang mengetahui perkhidmatan mereka tawarkan melalui media sosial.

Mengulas mengenai persediaan yang dibuat syarikat tersebut menjelang Hari Raya Aidiladha ini, beliau berkata, persediaan turut dibuat lebih awal dengan memantau pemakanan, kesihatan dan kebersihan haiwan korban; selain memastikan alat serta keperluan untuk proses penyembelihan mencukupi.

"Kami perlu memastikan haiwan ternakan yang hendak dikorbankan mengikut syarat yang telah ditetapkan, sihat dan tidak cacat.

"Selain itu, kami mengambil pekerja-pekerja sementara terdiri daripada golongan belia yang berminat untuk menimba

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda, setiap Hari Raya Aidiladha pada tahun-tahun sebelum ini.

"Oleh itu, syarikat kami lazimnya hanya akan membukakan proses penyembelihan dan melapah haiwan korban yang ditempah orang awam hanya pada Hari Raya Aidiladha di hari kedua hingga keempat," katanya.

Syarikat yang terletak di Kampung Lampaki, Mulaut ini menyediakan perkhidmatan penyembelihan haiwan korban mengikut kehendak undang-undang syariat Islam yang ketat dengan kebersihan dan kualiti yang terjamin.

Di samping itu juga, syarikat berkenaan membekalkan daging segar dan beku ke kedai-kedai supermarket dan restoran-restoran di negara ini.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar: saiz fail Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

- #1** Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen
JPG / PNG: Gambar Berukuran Passport (Gambar Profil)
- #2** Saiz fail tidak melebihi 3MB
- #3** Dokumen yang diimbas hendaklah dalam versi asal / berwarna
- #4** Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

MEMASTIKAN PENIAGA PATUHI AKTA PENYIMPANAN REKOD (PERNIAGAAN), PENGGAL 249



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) baru-baru ini telah mengadakan Sesi Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan

SESI Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (kiri dan bawah kiri).

Ekonomi, di sini.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memastikan peniaga-peniaga memahami dan mematuhi peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah di Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Haji Mohammad Hassenol bin Awang Haji Abd Rahman, yang antaranya telah menjelaskan keperluan bagi setiap entiti perniagaan di Negara Brunei Darussalam untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan dengan teratur sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun selaras dengan Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Turut menyampaikan taklimat adalah Ahli Majlis BICPA, Awang Haji Shazali bin Tan Sri Dato Haji Sulaiman, yang telah menekankan tentang keperluan penyimpanan buku dan faedah penyediaan Penyata Kewangan yang akan membantu pemilik perniagaan dalam membuat perancangan kewangan yang teratur, membuat keputusan kewangan bagi perniagaan dan menarik pelabur-pelabur berpotensi.



Lebih 200 kilogram sayap, tongkeng ayam dirampas



HASIL daripada operasi tersebut berjaya merampas sayap dan tongkeng ayam yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak 283.68 kilogram.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

TUTONG, Rabu, 12 Jun. - Satu operasi bersepadu telah dijalankan oleh para pegawai penguatkuasaan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Daerah Belait pada 11 Jun lalu, kira-kira jam 9.45 pagi, bertempat di Perusahaan Hari-Hari Maju, Daerah Tutong.

Hasil daripada operasi tersebut berjaya merampas sayap dan tongkeng ayam yang membawa jumlah keseluruhan sebanyak 283.68 kilogram.

Kes tersebut telah diserahkan kepada pihak JKED, Daerah Belait untuk siasatan dan tindakan undang-undang mengenainya.

Sehubungan dengan itu, KHEU ingin mengingatkan kepada orang

ramai bahawa membawa masuk daging mentah ke Negara Brunei Darussalam hendaklah mempunyai permit import halal daripada Majlis Ugama Islam, di samping memenuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh agensi-agensi lain berkaitan pengimportan daging halal.

Perkara ini adalah mustahak dan perlu dipatuhi agar daging yang dibawa masuk dan dijual di negara ini khususnya kepada orang Islam adalah terjamin kehalalannya.

KHEU ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas maklumat berhubung perkara tersebut dan bagi orang ramai yang ingin membuat pengaduan serta perkongsian maklumat mengenai sebarang pelanggaran undang-undang melibatkan daging halal bolehlah dibuat terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi Talian Hotline +673 7166222 atau hadir ke mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

Bahagian Kawalan Makanan Halal, JHES bersama-sama agensi penguatkuasaan lain akan sentiasa meningkatkan rondaan dan operasi bagi memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan di negara ini sentiasa dipatuhi.

Operasi merobohkan gerai-gerai di tepi jalan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan



JABATAN Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya meningkatkan lagi usaha untuk membuka dan menanggalkan gerai-gerai di tepi jalan yang tidak lagi digunakan dan terbiar di dua lokasi (atas sekali dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Jun. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah meningkatkan lagi usaha untuk membuka dan menanggalkan gerai-gerai di tepi jalan yang tidak lagi digunakan dan terbiar di dua lokasi yang dikenal pasti di Jalan Muara.

Operasi yang telah selesai dijalankan pada 23 Mei 2024 tersebut dilaksanakan oleh JKR dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Pihak kementerian menyeru kepada penjaja gerai supaya beroperasi secara sah di kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan tidak beroperasi di tempat yang tidak dibenarkan.

Penjaja gerai yang beroperasi secara sementara akan lebih menyukarkan pihak penguat kuasa undang-undang untuk mengesan mereka.

Terdapat gerai di tepi jalan yang sudah usang, mencemarkan pemandangan dan berpotensi membahayakan.

Struktur-struktur / gerai terbiar tersebut bukan sahaja menjejaskan imej negara tetapi juga menimbulkan risiko kepada pejalan kaki dan pengguna jalan raya.

Merobohkan gerai-gerai tersebut adalah sebahagian daripada inisiatif yang lebih luas untuk meningkatkan persekitaran dan memastikan keselamatan orang awam.

Di bawah Akta Lalu Lintas Jalan Raya, mendirikan apa juga struktur di atas jalan atau rizab jalan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan dengan denda sebanyak BND2,000 dan bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya sebanyak BND4,000 dan penjara selama tiga bulan.

Ketua Pengarah Kerja Raya mempunyai kuasa untuk menanggalkan struktur-struktur / gerai sedemikian dan boleh menuntut kembali perbelanjaan yang ditanggung daripada mereka yang beroperasi di atas dan pemilik struktur-struktur / gerai tersebut.

Pihak kementerian juga ingin menegaskan bahawa kos membuka dan menanggalkan tersebut adalah sebahagian daripada bajet kerajaan yang sepatutnya dibelanjakan untuk membina jalan raya atau pembaikan jalan raya.

Oleh itu, orang ramai harus mematuhi undang-undang dan bertindak secara bertanggungjawab bagi memperbaiki persekitaran dan kesejahteraan awam.

Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 untuk membuat aduan jika terdapat mana-mana gerai yang terbiar dan boleh menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya.

Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke XV

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
الْحَمْدُ لِلَّهِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
رَسُولِ اللَّهِ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
تَبِعَهُ وَوَالِدِهِ . أَمَّا بَعْدُ .

Teks :
Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan
Foto : Jabatan Penerangan

Ampun beribu ampun,
HAMBA Kebawah Duli
Tuan Patik menjunjung
kurnia perkenan untuk
menunaikan hajat penganjur
bagi hamba Kebawah Duli Tuan
Patik membentangkan kertas
perdana bertajuk : "Membangun
Masyarakat dan Perbandaran Islam
yang Mampan". Kurnia perkenan
yang sama juga dijunjung untuk
hamba Kebawah Duli Tuan Patik
menyampaikan pembentangan
ini dalam bahasa biasa sebagai
kemudahan jua.

Membangun masyarakat bererti
membangun manusia. Bagaimana
membangun manusia itu? Jika
membangun bangunan, kita akan
menyiapkan tapaknya, menyiapkan
reka bentuknya, bahan-bahan
binaan dan sebagainya. Tetapi
membangun manusia tidak berhajat
kepada tapak, kepada reka bentuk
dan bahan-bahan binaan. Kerana
kalau membangun manusia, yang
dibangun itu ialah dalamannya:
jiwanya, semangatnya, akhlaknya,
pemikirannya, akidahnya dan
imannya.

Perkara ini telah dicontohkan
oleh Nabi shallallahu 'alaihi wa
sallam. Baginda membangun
manusia di sekelilingnya, bukan
membangun batang tubuh untuk
jadi kuat, atau membangun untuk
dapat makan makanan-makanan
lazat, atau membangun untuk dapat
pakai pakaian yang mahal-mahal,
atau membangun untuk dapat diam
di rumah-rumah mewah, bukan!
Tetapi Baginda membangun
jiwa, membangun semangat,
membangun sikap, membangun
akidah dan membangun iman.
Baginda melancarkan reformasi
dari masyarakat yang miskin
akhlak dan tidak beriman, kepada
masyarakat berakhlak mulia dan
beriman. Baginda membangun
semua ini bukan dengan benda,
tetapi dengan *La Ilaha Illallah* dan
dengan al-Qur'an, dengan Tauhid,
sehingga hasil dari pembangunan
itu telah:

Melahirkan peribadi-peribadi
besar luar biasa, seperti Sayyidina
Abu Bakar asy-Syidiq *radhiallahu
anh* yang pernah menjadi orang
kaya, tetapi semua hartanya
disumbangkan untuk Islam dan
untuk membebaskan para hamba
sahaya termasuk Sayyidina Bilal
bin Rabbah. Ketika Sayyidina Abu
Bakar menyumbangkan semua
hartanya, Nabi shallallahu 'alaihi
wa sallam mencelah : "*Wahai
Abu Bakar, apa saja yang engkau
tinggalkan untuk keluargamu?*"
Menjawab Sayyidna Abu Bakar:
"*Saya tinggalkan untuk mereka
ialah Allah dan RasulNya*".

Siapa lagi? Sayyidina Umar
bin al-Khathab *radhiallahu anh*.
Tokoh ini sebelum Islamnya adalah
seorang penentang paling kuat
terhadap Islam. Hatinya umpama
batu dan jiwanya umpama api
menyalanya membenci Islam.
Tetapi Nabi shallallahu 'alaihi wa
sallam membangunnya dengan
doa : "*Ya Allah, kuatkanlah Islam
dengan Umar*". Lalu Allah pun
menerima doa Nabi ini, maka Umar
pun memeluk Islam. Setelah Umar
memeluk Islam, malaikat Jibril
'alaihissalam datang kepada Nabi
dan berkata : "*Wahai Muhammad,
sesungguhnya seluruh penduduk
langit bergembira dengan Islamnya
Umar*".

Kemudian siapa lagi? Sayyidina
Osman bin Affan *radhiallahu anh*,
seorang dermawan di jalan Allah
yang tidak ada tolok bandingnya.
Beliau juga disifatkan oleh Nabi
sebagai paling pemalu dan
berakhlak paling mulia kerana tidak
pernah menjamah alat kelaminnya
dengan tangan kanan, kerana
dengan tangan kanan itulah dia
menjabat tangan Nabi shallallahu
'alaihi wa sallam.

Siapa lagi? Sayyidina Ali
karamahullah wajhah, seorang
pemuda yang sanggup bergadai
nyawa untuk menyelamatkan
Nabi dengan menggantikan Nabi
di tempat tidur Baginda sebagai
usaha untuk mengelirukan musuh
yang sudahpun bersedia untuk
membunuh Baginda.

Siapa lagi? Sahabat
Abdurrahman bin Auf, seorang
yang terkenal sangat kaya, tetapi
tidak pernah menahan hartanya
untuk kebajikan. Beliau pernah
menyumbangkan barang-barang
keperluan untuk penduduk Madina.
Barang-barang itu dibawa oleh
700 ekor unta. Bayangkan betapa
banyak barang-barang dimuat ke
atas 700 ekor unta. Beliau juga
menjual tanahnya dengan harga 40
ribu dinar untuk dibahagi-bahagikan
kepada kaumnya, kepada isteri-
isteri Nabi Ummahatul Mukminin
dan kepada para fakir miskin. Dalam
satu peperangan (peperangan
Tabuk), beliau menyumbangkan
500 ekor kuda perang dan 1,500
ekor unta tunggangan. Begitu juga
beliau telah mendedahkan 400
dinar kepada setiap bekas tentera
perang Badr yang masih hidup
selamai 100 orang.

Ya, siapa lagi? Sahabat Khalid
bin Al-Walid yang digelar oleh Nabi
sebagai Saifullah al-Maslul (ertinya
pedang Allah yang terhunus).
Sahabat ini terkenal gagah untuk
Islam, pakar menggunakan senjata
dan penunggang kuda yang hebat
untuk Islam.

Dalam zaman Nabi shallallahu
'alaihi wa sallam, beliau menyertai
ekspedisi jihad melawan musuh dan
setelah Nabi wafat, dilantik menjadi
panglima perang menentang
tentera-tentera Parsi dan Rom.
Semua peperangan yang disertai
dan diketuainya tidak pernah kalah.
Beliau bercita-cita untuk mati
syahid tetapi tidak kesampaian,
sehingga ketika berada di ranjang
maut, beliau menangis, menangis
mengenangkan cita-citanya untuk
mati syahid tidak terkabul.

Begitu beberapa contoh
peribadi-peribadi hebat dalam
sejarah, yang dibangun oleh
Nabi untuk Islam dan sekaligus
untuk ummah dan untuk nagara.
Mereka ini meninggalkan pengaruh
dan kesan kepimpinan yang
tidak mungkin hapus dari lipatan
sejarah.

Sekarang mari pula kita cuba
melihat contoh membangun
manusia di zaman muthaakhir ini.
Perkara ini boleh kita saksikan
contohnya di Palestin. Di sana,
telah dan sedang berlaku kerja-
kerja membangun manusia untuk
kelangsungan bangsa, agama dan
negara. Menurut buku yang berjudul
"Peristiwa Ajaib Pertolongan
Allah *subhanahu Wa Ta'ala* Buat
Penduduk Palestin", telah berlaku
pembangunan itu melalui kemah-
kemah dan institusi-institusi
mengaji dan menghafaz al-Qur'an.
Semua kanak-kanak Palestin
disalurkan ke dalam kemah-
kemah dan institusi-institusi ini
untuk tujuan belajar, membaca dan
menghafaz 30 juzuk al-Qur'an.

Mengapakah langkah ini diambil?
Menurut buku tersebut:

1. Untuk mengambil berkah
dari al-Qur'an, kerana al-Qur'an
adalah sumber kekuatan luar biasa,
di mana siapa yang membacanya
akan mendapat bekalan kekuatan

dalam untuk menghadapi musuh.
2. Kanak-kanak Palestin
memang senghaja diasuh untuk
mencintai al-Qur'an, kerana
al-Qur'an mengajar mereka untuk
lebih berani.

Perkara ini sangat-sangat tidak
disenangi oleh musuh, kerana
mereka tahu 15 atau 20 tahun ke
hadapan, kanak-kanak ini akan
dewasa, akan menjadi pejuang
bangsa, menjadi duri dalam daging
kepada mereka. Kerana itu, setiap
serangan ganas oleh musuh ke
atas bumi Palestin dahulu mahupun
sekarang kanak-kanaklah yang
menjadi sasaran utama untuk
dibunuh.

Satu contoh, dalam tengkarah
antara musuh dan Palestin pada
tahun 2008, musuh telah memfokus
kepada kanak-kanak Palestin di
tebing Gaza. Dalam serangan
hanya tiga minggu, musuh telah
membunuh 1,412 orang kanak-
kanak. Tetapi kesedihan rakyat
Gaza dengan hilangnya nyawa
1,412 kanak-kanak itu, menurut
kajian, segera diubah dengan
lahirnya 3,700 orang kanak-kanak
dalam masa tiga minggu serangan
tersebut. Dalam makna secara
kasar, mati 1,000 berganti 3,000.

Inilah namanya kuasa Allah,
musuh boleh saja membunuh
sekian ramai, tetapi Allah akan
menggantikannya dengan jumlah
yang lebih ramai dari yang
dibunuh itu. Begitu juga kita dapat
menyaksikan mangsa-mangsa
berlumuran darah dan diusung
ke kuburan, tetapi Allah kata (lihat
Surah Al-Imran ayat 169) tafsirnya
: "*Jangan sangka orang-orang
yang terbunuh (mati syahid) di
jalan Allah itu mati, bukan! Tetapi
mereka hidup di sisi (Allah) Tuhan
mereka dengan beroleh rezeki dan
mereka bergembira dengan rezeki
tersebut...*"

Ya, kita usah ragu dengan
perkhbarian al-Qur'an ini. Allah
sudah tunjuk bukti, bahawa orang-
orang yang terkorban di jalan
Allah, jasad mereka tidak reput.
Orang pernah terkali kubur Saidina
Hamzah, kaki Saidina Hamzah
terkena cangkul masih sahaja
memancutkan darah.

Dikisahkan juga, pada tahun 1932
Masihi, Raja Iraq yang bernama
Shah Faisal, telah bermimpi ditemui
oleh sahabat Nabi shallallahu 'alaihi
wa sallam, Huzaifah al-Yamani
yang telah dikebumikan selama
1,300 tahun. Huzaifah berkata :
"*Wahai Raja! ambillah jenazah saya
dan jenazah Jaber al-Ansari dari
tepi Sungai Tigris dan kemudian
kebumikan kembali di tempat yang
selamat. Sebabnya, kerana kubur
saya dan kubur Jaber sekarang
sedang dipenuhi oleh air*".

Raja tidak menghiraukan mimpi
ini, sehingga mufti besar pula
didatangi oleh Huzaifah, juga dalam
mimpi. Huzaifah berkata : "*Wahai
Mufti! Saya telah memberitahu raja
dua malam sebelumnya, tetapi raja
tidak peduli. Oleh itu, beritahulah
raja supaya bersimpati sedikit untuk
memindahkan jenazah kami*".

Diringkaskan kisah, raja pun
bersetuju untuk menggali kubur
dua sahabat ini. Tetapi sebelum
itu, dengan titah perintah raja, satu
siaran hendaklah dikeluarkan untuk
memberitahu orang ramai bahawa
pada tanggal 20 Zulhijjah tahun
1351 Hijrah bersamaan tahun
1932 Masihi, selepas sembahyang
Dzohor, kubur dua sahabat ini akan
dibuka. Maka berkerumunlah orang
ramai, muslim dan bukan muslim
untuk menyaksikan peristiwa
ini, sehingga ibu kota Baghdad
kelihatan penuh sesak. Apabila
kubur-kubur itu dibuka, memang
benar Subhanallah, kubur-kubur
tersebut sedang dipenuhi oleh air,
dan jenazah dua sahabat: Huzaifah
al-Yamani dan Jaber Abdullah
al-Ansari didapati masih utuh

dan segar, padahal mereka telah
dikebumikan selama 1,300 tahun.
Allahu Akhbar!

Melihat ini, seorang berbangsa
German telah mendekati mufti dan
memegang tangan mufti sambil
berkata : "Bukti apa lagi yang
perlu dicari bahawa Islam memang
agama yang benar. Sekarang juga,
saya mahu memeluk Islam, dan
tolong ajarkan kepada saya tentang
Islam".

Demikian antara kisah benar,
yang membenarkan perkhbarian
al-Qur'an tentang orang-orang
yang mati syahid. Sekarang,
kita bercakap mengenai orang-
orang Palestin yang mati kerana
mempertahankan agama dan tanah
air mereka. Nah, tidakkah juga
namanya mereka itu mati syahid?

Ya, di hadapan mata kasar kita,
mereka itu memang betul-betul
nampak mati, mati dirata-rata
oleh bom-bom musuh, disiat-siat
oleh peluru-peluru, yang jatuh di
atas kepala, ke atas bangunan-
bangunan, ke atas kediaman-
kediaman, ke atas masjid, ke atas
rumah sakit, sehingga ramailah
rakyat menjadi mayat. Tetapi mayat-
mayat itu cuma sekejap sahaja
bernama "mayat" kemudian selepas
itu di dalam kubur (alam barzakh)
mereka itu hidup berbahagia di sisi
Tuhan mereka.

Menurut Kementerian Kesihatan
Palestin, sejak 7 Oktober 2023
hingga 12 Mei 2024 Masihi, mangsa
korban di Gaza Palestin adalah
seramai 35,034 orang terbunuh,
diantaranya 14,944 orang adalah
kanak-kanak dan 9,849 ialah kaum
Hawa, semua mereka itu adalah
berstatus syahid (mati syahid),
nama sahaja mati, tetapi menurut
al-Qur'an, mereka itu malah hidup
berbahagia di sisi Tuhan mereka.

Sedikit mengenai membangun
perbandaran Islam mampan.
Mampan ertinya berterusan
bagus, indah dan selamat. Seperti
membangun manusia, membangun
perbandaran juga dikehendaki
mengikut tuntutan Maqasid Syariah
iaitu dengan memelihara agama,
akal, jiwa, keturunan dan harta.
Dalam makna, perbandaran Islam
mesti selamat dan bersih dari
sebarang jenayah dan maksiat.

Maqasid Syariah mahu supaya
Bandar atau negeri yang dibangun
itu penuh berisi dengan rahmat dan
berkat, sehingga kita yang hidup
di dalamnya, menikmati kehidupan
sejahtera, aman dan selamat.
Sebab itu dalam perbandaran
Islam tidak boleh wujud kumpulan-
kumpulan penjenayah yang
mengancam nyawa dan harta
benda. Tidak boleh berdiri kelab-
kelab malam, premis-premis
judi, premis-premis membuat,
menjual dan menghidang arak dan
lain-lain seumpamanya, yang
bertentangan dengan dasar
Maqasid Syariah.

Maqasid Syariah menjamin
keselamatan semua, sama ada
Muslim atau bukan Muslim,
termaksud binatang, tumbuh-
tumbuhan dan bahkan benda-
benda mati sekalipun.

Imam Muslim meriwayatkan
dalam kitab sahihnya, bahawa
Abu Hurairah *radhiallahu anh*
pernah mencadangkan kepada
Nabi dengan berkata : "*Wahai
Rasulullah! Sumpahilah orang-
orang musyrik itu.*" Lalu Baginda
bersabda : "*Sesungguhnya aku
diutus bukan untuk melaknat,
sebaliknya aku diutus hanya
sebagai pembawa rahmat sahaja.*"

Sebagai amanah dan peringatan,
sebuah hadits menceritakan
tentang seorang perempuan masuk
neraka kerana mengurung seekor
kucing dan tidak memberinya
makan sehingga kucing itu mati.

Diriwayatkan lagi, pada suatu
hari Nabi shallallahu 'alaihi wa
sallam telah ternampak seekor



YANG Berhormat Mufti
Kerajaan membentangkan Kertas
Perdana pada Majlis Perasmian
Konferensi Antarabangsa Islam
Borneo Ke-15 (KAIB XV) pada 5 Jun
2024.

burung sedang berpusing-pusing
di sarangnya kebingungan. Nabi
menyangka bahawa burung itu
sedang mencari anak kecilnya yang
hilang. Lalu Nabi shallallahu 'alaihi
wa sallam mengumpulkan para
sahabat dan bertanya siapakah
yang mengambil anak burung
dari sarangnya? Salah seorang
sahabat mengakui dialah yang
mengambilnya. Lalu Nabi meminta
sahabat itu untuk mengembalikan
semula anak burung ke dalam
sarangnya.

Sebelum pasukan tentera
Islam bergerak ke medan perang,
Nabi shallallahu 'alaihi wa
sallam biasanya akan terlebih
dahulu berpesan supaya jangan
membunuh orang awam, lebih-lebih
lagi kanak-kanak, kaum perempuan
dan warga emas, dan jangan juga
merosakkan tanam-tanaman dan
merobohkan bangunan.

Semua itu jika dilakukan, akan
ditanya oleh Allah mengapa ia
dilakukan? Bukan membunuh
nyawa yang tidak berdosa sahaja
yang akan ditanya itu, malah
mengikut Amirul Mukminin Umar
radhiallahu anh: "*Jika sekiranya
binatang baghal tercedera di Iraq
kerana jalan yang berlopak-lopak,
nescaya Allah akan tanya saya
(selaku pemerintah) wilayah Iraq,
mengapakah engkau tidak baiki
jalan yang berlopak-lopak itu, wahai
Umar?*"

Begitu Islam menghendaki kita
supaya memelihara nyawa dan
perbandaran. Islam telah mengajar
supaya kita jangan jadi Firaun
dan Haman yang membunuh
kanak-kanak dan juga jangan jadi
Namrud yang melimparkan Nabi
Ibrahim *'alaihissalam* ke dalam
api yang sedang menyala-nyala.
Tetapi dalam sejarah moden, dunia
sekarang sedang menyaksikan
golongan penjahat yang lebih
jahat daripada Firaun dan Haman
dan Namrud, mereka membunuh
kanak-kanak tidak kira lelaki atau
perempuan, membunuh juga kaum
hawa, warga emas dan siapa saja
sampai puluhan ribu, dan tidak
memadai setakat itu, mereka
juga membakar dan meruntuhkan
bangunan-bangunan, rumah-rumah
kediaman, masjid dan hospital,
yang menjadikan mereka tidak
diragukan lagi adalah penumpah
darah dan perosak negeri, harta
benda dan perbandaran.

Allahuma Ya Allah, Ya
Rahman, Ya Karim, Ya 'Azim, Ya
Muntakim! Mohon Tuhan kami
selamatkan rakyat dan bumi
Palestin, sebagaimana Tuhan kami
menyelamatkan para Nabi dan
umat-umat yang beriman di zaman
silam.

Ampun beribu ampun, Hamba
Kebawah Duli Tuan Patik
menjunjung ampun dan maaf,
sekiranya terdapat sebarang
kesilapan atau sorok langkah
di sepanjang pembentangan
ini.



KTBB platform luangkan masa bersama keluarga

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Jabatan Daerah Temburong

PENGLIBATAN dan kesepaduan masyarakat dalam mengendalikan sesuatu program secara tidak langsung menyumbang kepada kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang harmoni. Dalam hal ini, pengendalian Program Ke Temburong Bisai (KTBB) tidak dinafikan berupaya meningkatkan penglibatan seluruh masyarakat di daerah yang juga dikenali sebagai Permata Hijau.

Inisiatif

Program KTBB merupakan inisiatif atau usaha Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong yang telah dilancarkan pada September 2022 dalam memberikan peluang kepada pengusaha Satu Kampung Satu Produk (1K1P) untuk menjana pendapatan dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan seluruh masyarakat di Daerah Temburong. Selain itu, ia adalah satu platform atau langkah bagi memperkenalkan dan menaikkan imej produk hasil penduduk Daerah Temburong dan juga memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha 1K1P

untuk menjual dan mempromosikan produk masing-masing. Program ini juga adalah untuk menggalakkan para pengunjung di dalam dan luar daerah untuk datang berbelanja di Daerah Temburong apatah lagi dengan adanya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sudah setentunya akan memudahkan orang ramai khususnya dari daerah-daerah lain untuk berkunjung ke Daerah Temburong.

KTBB Edisi Hari Keluarga Kebangsaan

Sementara itu baru-baru ini Program KTBB Edisi Hari Keluarga Kebangsaan 2024 telah diadakan, dalam usaha sebagai daya tarikan kepada penduduk tempatan untuk melawat ke Daerah Temburong dengan mengemukakan pelbagai aktiviti. Acara tersebut juga adalah bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan pada tahun ini dengan mengadakan jualan produk-produk kampung dan juga produk-produk dari pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dari Daerah Temburong dan luar daerah dengan diadakan pelbagai aktiviti.

Objektif

Bagi Edisi Hari Keluarga Kebangsaan 2024 ini, program mempunyai objektifnya untuk memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha dari Majlis-majlis Perundingan Kampung serta pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana khususnya dari Daerah Temburong untuk menjual dan mempromosikan produk kampung masing-masing. Program kali ini adalah dengan mengusahakan pelbagai aktiviti yang menjurus hal ehwal kekeluargaan dan melalui program ini juga menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di Daerah Temburong untuk membina keluarga bahagia atau harmoni, kukuh dan berdaya tahan dan sekali gus membantu mencegah dan mengurangkan permasalahan kekeluargaan di negara ini.

Selain itu, program ini juga mempunyai objektif ke arah meningkatkan kualiti kehidupan dalam berkeluarga serta mendidik generasi yang akan datang mengenai pentingnya institusi keluarga tanpa mengira situasi penghidupan mereka dan menggalakkan ibu bapa meluangkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga. Program juga merupakan satu platform untuk Majlis-majlis Perundingan Mukim dan

Kampung mengadakan aktiviti sampingan seperti persembahan bercorak keagamaan dan acara-acara sukan yang menjurus kekeluargaan.

Pengisian program

Program diadakan selama empat hari iaitu bermula 6 Jun 2024 hingga 9 Jun 2024 (Khamis hingga Ahad), bermula jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam bertempat di Kawasan Gerai Permata Hijau, Pekan Bangar Temburong. Beberapa acara menarik telah disusun di sepanjang program tersebut iaitu jualan dari pengusaha-pengusaha produk kampung serta pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana; KTBB Hunt (bersama meneroka sekeluarga di dalam KTBB Hunt); Program Lailatul Usrah (Program Malam Keluarga); Family Fun Walk dengan bertemakan Flora dan Fauna; KTBB Car Boot Sale.

Apa yang diharapkan dengan adanya Program KTBB Edisi Hari Keluarga Kebangsaan 2024 ini telah mencapai misinya ke arah menarik pengunjung-pengunjung datang ke Daerah Temburong dengan membawa keluarga masing-masing dan seterusnya menggalakan penduduk di negara ini untuk berbelanja di negara sendiri.



MALAYSIA SERU GENCATAN SENJATA BERKESAN TERHADAP KRISIS DI GAZA



PUTRAJAYA, 12 Jun. - Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menegaskan sokongan teguh Malaysia terhadap perjuangan Palestin semasa persidangan peringkat tinggi yang bertajuk "Call for Action: Urgent Humanitarian Response for Gaza" di Jordan.

Beliau menggariskan keperluan bagi gencatan senjata yang berkesan dan berkekalan demi memastikan tindak balas kemanusiaan yang berjaya.

Bercakap pada persidangan yang diadakan di Laut Mati, Jordan pada Selasa, Mohamad menekankan tentang bagaimana genosid di Gaza telah menghalang bantuan kemanusiaan yang sangat diperlukan rakyat Palestin.

"Hakikat yang kejam, masih tiada jaminan untuk penghantaran bantuan yang selamat, terjamin dan tanpa halangan," katanya.

Beliau menjelaskan serangan

udara Israel bukan sahaja menyerang konvoi bantuan Malaysia tetapi juga merobohkan pusat pengedaran, mengakibatkan kematian sukarelawan dan pemusnahan penghantaran bantuan yang menyelamatkan nyawa.

Menteri itu menegaskan serangan kejam ini tidak sesekali menghalang Malaysia daripada mendukung komitmen kemanusiaannya.

"Kita semua boleh bersetuju bahawa adalah mustahil untuk sebarang tindak balas kemanusiaan segera terlaksana tanpa adanya gencatan senjata yang kekal dan berkesan serta penyelesaian politik," katanya.

Sementara itu, Mohamad juga menyeru negara-negara dan pihak berkepentingan untuk menyokong usaha ikhlas ke arah gencatan senjata termasuk cadangan tiga fasa oleh Amerika Syarikat.

"Malaysia sentiasa menjadi penyokong kuat untuk keamanan dan kestabilan. Kami bersolidariti dengan sebarang usaha tulus yang mempromosikan penyelesaian konflik secara damai," katanya, mengalu-alukan penerimaan Resolusi 2735 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai cadangan tiga fasa oleh AS.

Beliau menjelaskan bahawa tindak balas kemanusiaan yang berjaya untuk Gaza adalah bergantung kepada tiga elemen iaitu menangani punca konflik; mengenakan tanggungjawab ke atas Israel melalui pendekatan reparatif dan pengukuhan mandat kemanusiaan PBB.

"Kita memerlukan tindak balas kemanusiaan yang menyeluruh serta strategi pemulihan dan pembinaan semula yang menangani punca utama iaitu

penafian hak menentukan nasib sendiri, pendudukan haram serta kekejaman Israel yang berterusan," katanya.

Beliau juga berkata hak sedia ada Palestin sebagai ahli penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mesti direalisasikan.

"Sebagai kuasa pendudukan, Israel mesti dipertanggungjawabkan melalui pendekatan reparatif dalam membina semula Gaza dan atas pencabulan besar yang dilakukan ke atas rakyat Palestin,

"Kita mesti memperkukuhkan peranan PBB dalam melaksanakan mandat kemanusiaannya.

"Agensi Bantuan dan Kerja PBB bagi Pelarian Palestin (UNRWA) mesti diperkasa, disokong dan

dilindungi untuk membolehkan mereka menyampaikan bantuan kemanusiaan dan merangka pemulihan segera dalam infrastruktur sosial, termasuk perkhidmatan kesihatan dan sokongan psikososial," katanya.

Mohamad berkata Malaysia akan meneruskan sokongan kemanusiaannya dan kerajaan Malaysia dengan kerjasama lebih daripada 50 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kebangsaan telah menghantar lebih 5,000 tan bantuan penting ke Gaza. - ©BERNAMA

Ketua Menteri Australia Selatan dedah rancangan larang sumbangan politik

CANBERRA, 13 Jun. - Ketua Menteri Australia Selatan (SA) telah mencadangkan undang-undang baharu untuk melarang sumbangan dan hadiah kepada ahli politik, calon politik dan parti politik, lapor Xinhua.

Peter Malinauskas pada Rabu malam mengumumkan rancangan untuk memperkenalkan pembaharuan pilihan raya yang akan melarang sumbangan pilihan raya dalam politik negeri di SA. Di bawah undang-undang yang dicadangkan itu, mereka yang melanggar larangan itu berdepan hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda A\$50,000 (US\$33,311).

Dalam ucapan di acara University of South Australia (UniSA), Malinauskas mengakui bahawa

undang-undang itu boleh dicabar di Mahkamah Tinggi atas alasan perlembagaan tetapi berkata cadangan berkenaan akan menjadikan SA sebagai peneraju dalam memutuskan hubungan antara wang dan kuasa politik.

"Kami mahu wang dikeluarkan dari politik. Kami tahu ini tidak mudah. Pembaharuan ini mungkin menghadapi cabaran undang-undang. Tetapi kami bertekad untuk melaksanakannya dengan Rang Undang-Undang yang akan diperkenalkan di parlimen dalam masa terdekat," katanya.

Malinauskas berkata pinjaman kepada ahli politik, calon dan parti politik yang berdaftar juga akan dilarang kecuali jika ia datang daripada bank atau institusi kewangan lain. Parti dan calon

akan menerima pembiayaan negeri untuk pilihan raya, kempen dan mempromosikan idea politik.

Parti politik dan calon baharu akan dibenarkan menerima sumbangan bernilai sehingga A\$2,700 (US\$1,799) untuk memastikan mereka tidak berasa kekurangan berbanding lawan yang sudah lama bertapak. Yuran keahlian parti juga akan dibenarkan tetapi dihadkan kepada maksimum A\$100 (US\$66.6) setahun.

Malinauskas berjanji untuk mengharamkan sumbangan politik menjelang kemenangannya dalam pilihan raya Australia Selatan 2022, dengan mengatakan pada masa itu bahawa ia adalah langkah yang perlu untuk mengembalikan kepercayaan dalam demokrasi. - ©BERNAMA

Musk tarik balik tuntutan saman terhadap OpenAI

WASHINGTON, 12 Jun. - Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla Inc dan SpaceX, Elon Musk mengemukakan permohonan untuk menarik balik tuntutan samannya terhadap OpenAI, lapor Sputnik.

Pasukan undang-undang Musk telah memfailkan permohonan untuk membatalkan kes itu di Mahkamah Tinggi California pada Selasa namun tidak mendedahkan sebab tindakan itu diambil.

Musk yang mengasaskan OpenAI pada 2015, pada mulanya memfailkan saman terhadap

OpenAI dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Sam Altman pada Mac sebagai tindak balas kepada rancangan firma teknologi itu untuk meneroka model perniagaan berasaskan keuntungan dengan menawarkan teknologi AI termaju kepada pelanggan persendirian.

Musk mahu Altman dan pengasas bersama Greg Brockman membayar balik sebarang keuntungan yang mereka terima daripada perniagaan itu, lapor media.

Bagaimanapun, OpenAI

menerbitkan satu catatan blog termasuk beberapa e-mel Musk dari awal penubuhan OpenAI, kononnya menunjukkan Musk bersetuju bahawa akan ada keperluan untuk syarikat membuat keuntungan bagi membiayai sumber pengkomputeran yang diperlukan bagi meningkatkan teknologi AI.

Menurut laporan media, perbicaraan dijadualkan pada Rabu berkaitan dengan permohonan OpenAI untuk membatalkan kes itu. - ©BERNAMA

Google uji ciri AI anti-kecurian bagi telefon pintar Android di Brazil

RIO DE JANEIRO, 12 Jun. - Google pada Selasa mengumumkan ciri baharu yang menggunakan kecerdasan buatan (AI) bagi melindungi data pengguna sekiranya telefon pintar Android dicuri, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Brazil akan menjadi negara pertama menguji sistem baharu ini, kata Pengarah Google Brazil, Fabio Coelho dalam satu catatan blog pada Selasa.

"Maklum balas pengguna Brazil telah memberi inspirasi kepada ciri anti-kecurian ini dan negara ini akan menjadi yang pertama untuk mencubanya," kata Coelho.

Mulai Julai, pengguna di Brazil

yang memiliki peranti Android yang bersesuaian akan dapat mengakses versi beta kunci pengesanan kecurian Google, kunci peranti luar talian dan kunci jarak jauh.

Kunci pengesanan kecurian menggunakan AI untuk mengesan pergerakan yang biasanya dikaitkan dengan kecurian dan mengunci skrin telefon dengan cepat, bertujuan menghalang pencuri daripada mudah mengakses data pada peranti itu.

Kunci peranti luar talian pula secara automatik mengunci skrin peranti untuk membantu melindungi data walaupun tidak disambungkan ke rangkaian. Skrin telefon juga akan dikunci

sekiranya terdapat percubaan pengesahan yang gagal berulang kali.

Sementara itu, kunci jarak jauh akan membolehkan pengguna mengakses 'Find My Device' tanpa perlu mengingati kata laluan akaun Google mereka, membolehkan mereka mengunci peranti mereka dari jarak jauh.

Ciri keselamatan Google Play Protect juga akan tersedia di Brazil mulai Julai, yang bertujuan memastikan keselamatan data pengguna apabila memuat turun aplikasi dari sumber seperti pelayar laman sesawang dan aplikasi pemesejan. - ©BERNAMA

Harga minyak naik berikutan permintaan kukuh, ketidakpastian pemotongan kadar faedah AS

ANKARA, 12 Jun. - Harga minyak naik pada Rabu berikutan ramalan permintaan yang kukuh di Amerika Syarikat (AS), pengguna minyak terbesar dunia, dan ketidakpastian berterusan mengenai bila pemotongan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS, lapor Anadolu.

Penanda aras antarabangsa, Brent Crude, diperdagangkan pada US\$82.39 setong pada 10.43 pagi waktu tempatan (0743 GMT), meningkat 0.6 peratus daripada harga penutupan US\$81.92 setong dalam sesi dagangan sebelumnya.

Penanda aras Amerika, West Texas Intermediate (WTI), diperdagangkan pada US\$78.50 setong pada masa yang sama, meningkat 0.8 peratus daripada sesi sebelumnya yang ditutup pada US\$77.90 setong.

Data yang dikeluarkan oleh Institut Petroleum Amerika (API) lewat Selasa menunjukkan penurunan sebanyak 2.42 juta tong dalam rizab minyak mentah AS, berbanding jangkaan pasaran penurunan sebanyak 1.75 juta tong.

Penurunan besar dalam inventori minyak mentah komersial menunjukkan permintaan yang semakin meningkat menyokong trajektori harga yang menaik. Pentadbiran Maklumat Tenaga AS (EIA) akan mengeluarkan data inventori rasmi pada lewat hari ini.

Sementara itu, isyarat bercampur-campur daripada data makroekonomi yang dikeluarkan di AS menimbulkan ketidakpastian mengenai bila Rizab Persekutuan AS akan mula memotong kadar faedah.

Kadar faedah rendah mengurangkan nilai dolar AS berbanding mata wang lain, tetapi ia juga menurunkan harga minyak, yang menjana permintaan yang lebih kuat dan menyokong kenaikan harga selanjutnya. - ©BERNAMA

Dua warga Singapura didakwa edar dadah

JOHOR BAHRU, 12 Jun. - Dua lelaki warga Singapura didakwa di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mengedar kira-kira 58.6 kilogram dadah methylenedioxymethamphetamine (MDMA) pada 29 Mei lepas.

Pertuduhan terhadap Tan Xiao Wei, 49, dan Ee Choong Kiat, 36, dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Majistret R Salini, namun tiada pengakuan direkodkan daripada kedua-dua tertuduh kerana kes itu di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan dua lelaki itu didakwa bersama-sama mengedar dadah berkenaan di Jalan Anjung 8/1, Taman Horizon Hills, Iskandar Puteri pada 10.30 malam.

Ee turut didakwa dengan masing-masing satu pertuduhan lain mengedar dan memiliki dadah MDMA dan ketamin berjumlah 100.4 gram di sebuah pangsapuri di Persiaran Bumi Hijau, Taman Molek di sini pada 3.40 petang.

Tan juga didakwa lagi dengan empat pertuduhan mengedar dan dua pertuduhan memiliki dadah MDMA, methamphetamine, ketamin dan nimetazepam dengan keseluruhan jumlah berat 13.8 kilogram di sebuah kondominium di Jalan Mutiara 7 di sini pada 6.35 petang.

Bagi kesalahan mengedar, pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup dan jika tidak dihukum mati hendaklah dikenakan tidak kurang 15 sebatan, jika sabit kesalahan.

Kesalahan memiliki pula, pertuduhan adalah mengikut Seksyen 12(2) ADB 1952 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 14 Ogos depan untuk sebutan semula kes bagi laporan kimia.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nur Ameerah Allaudeen manakala peguam Nur Afiqah Hambali mewakili kedua-dua tertuduh. - ©BERNAMA



2,500 PENDUDUK GAZA TIDAK DAPAT TUNAI HAJI AKIBAT PENUTUPAN LALUAN RAFAH

GAZA CITY (Palestin), 14 Jun. - Perang berterusan di Gaza

dan pendudukan Israel di laluan Rafah, yang menghubungkan Gaza ke Mesir, telah menghalang 2,500 rakyat Palestin daripada menunaikan ibadah haji tahun ini, menurut Kementerian Wakaf di Semenanjung Gaza.

Ini adalah "pelanggaran kebebasan beragama yang jelas," kata jurucakap Kementerian Ikrami Al-Mudallal, bercakap kepada Agensi Anadolu (AA).

Konflik itu telah mengganggu persiapan haji biasa Kementerian, termasuk menandatangani kontrak pengangkutan di Mesir dan Arab Saudi serta menempah penginapan di Makkah dan Madinah, tambah Al-Mudallal.

Al-Mudallal menyatakan bahawa "penutupan laluan Rafah dan konflik yang berterusan telah menghalang 2,500 jemaah Gaza, termasuk misi yang mengiringi,

daripada melakukan perjalanan untuk menunaikan haji."

"Kumpulan ini mewakili 38 peratus daripada keseluruhan 6,600 jemaah Palestin," katanya.

Al-Mudallal berkata Kementerian sedang berhubung dengan pihak berkuasa berkaitan di Arab Saudi dan Mesir untuk menangani apa yang mereka sifatkan sebagai "pelanggaran ketara" terhadap hak jemaah Palestin dan mencari jalan untuk mereka menunaikan haji. Beliau memberi jaminan bahawa jemaah haji yang terjejas tahun ini "tidak akan kehilangan hak mereka untuk menunaikan haji tahun depan, dengan keutamaan diberikan kepada mereka," terutamanya kerana ramai yang menunggu giliran dan 70 peratus adalah warga emas atau sakit.

Tahun ini, jempunan diraja Raja Arab Saudi Raja Salman bin

Abdulaziz untuk menempatkan 500 jemaah daripada keluarga mereka yang terbunuh dan cedera di Gaza telah diagihkan kepada keluarga di luar Semenanjung Gaza, menurut Al-Mudallal.

"Tindakan ini membolehkan mereka yang telah meninggalkan Gaza untuk menunaikan haji, memelihara hak Gaza terhadap jempunan diraja itu," katanya.

Pada 6 Jun lepas, Raja Arab Saudi mengarahkan penganjuran luar biasa membabitkan 1,000 jemaah daripada keluarga Gaza yang terkorban dan cedera sebagai sebahagian daripada Program Tetamu Haji dan Umrah Kementerian Hal Ehwal Islam Arab Saudi.

Jemaah haji ini dipilih daripada mereka yang telah meninggalkan Gaza sama ada disebabkan perang atau untuk rawatan perubatan. - ©BERNAMA

JPV P.Pinang keluar 1,732 permit sembelihan luar

GEORGE TOWN, 14 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengeluarkan 1,732 permit sembelihan luar melibatkan 5,756 ekor ternakan bagi ibadah korban tahun ini.

Pengarahnya Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata jumlah pada tahun ini meningkat berbanding 714 permit sembelihan luar melibatkan 3,002 ekor ternakan yang dikeluarkan pada tahun 2023.

"Peningkatan itu disebabkan kesedaran pemain industri, dan kempen yang dijalankan oleh pihak JPV Pulau Pinang berhubung keperluan permohonan permit.

"Bekalan ternakan ibadah korban di Pulau Pinang juga dijangka mencukupi dengan kira-kira 6,000 ekor ternakan ruminan tersedia dan 80 peratus daripadanya adalah ternakan lembu," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kebiasaannya semua penyembelihan perlu dilaksanakan di dalam rumah penyembelihan diluluskan dan rumah penyembelihan dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastan) 1993.

Bagaimanapun oleh kerana terdapat permintaan dan peningkatan jumlah penyembelihan pada Hari Raya Aidiladha, dengan merujuk kepada Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009, Saira Banu berkata penyembelihan bagi tujuan korban boleh dilaksanakan di luar rumah penyembelihan diluluskan atau rumah penyembelihan dilesenkan.

Bagaimanapun tempat yang dipilih perlulah bersesuaian, tidak menyebabkan pencemaran di samping tidak mengakibatkan kacau ganggu kepada orang awam, dan penyembelihan luar ini hanya dibenarkan selama empat hari iaitu pada Hari Raya Aidiladha dan Hari Tasyrik bermula pada 17 Jun (Isnin) sehingga 20 Jun (Khamis).

Beliau berkata 39 pihak berkuasa veterinar dan 15 pegawai penguat kuasa akan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan ternakan di lokasi sembelihan bagi memastikan ternakan bebas dari sebarang penyakit. - ©BERNAMA

Selesama burung dikesan di ladang keenam di Victoria Australia

SYDNEY, 14 Jun. - Pihak berkuasa tempatan di negeri Victoria, Australia melaporkan bahawa virus selesama burung telah dikesan di ladang keenam, yang sudah dalam kuarantin, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada Khamis, Agriculture Victoria memaklumkan bahawa sebuah ladang itik komersial baru-baru ini diuji positif untuk strain H7N3 yang mempunyai kepatogenan tinggi. Ladang terlibat terletak dalam kawasan terhad semasa di Golden Plains Shire, di mana sekatan pergerakan sudah dilaksanakan.

Menurut agensi kerajaan itu, semua itik di ladang terlibat akan dilupuskan dengan berperikemanusiaan di bawah pengawasan ketat dan mengikut dasar berkaitan, sementara kawasan berkenaan juga akan dibersihkan dan dibebaskan daripada jangkitan.

Ketua Pegawai Veterinar negeri, Graeme Cooke berkata, pengesanan ini tidak mengejutkan memandangkan kedudukan ladang terlibat berdekatan dengan premis yang sudah dijangkiti (IP).

"Kami telah mewujudkan kawasan terhad dan kawalan berdekatan dengan IP sedia ada yang telah membantu kami mengehadkan penyebaran dan cepat mengesan IP keenam melalui aktiviti pengawasan yang menyeluruh," kata Cooke.

Pada akhir Mei, wabak selesama burung mula-mula disahkan di sebuah ladang telur berhampiran Meredith, sebuah bandar yang terletak kira-kira 90 km barat Melbourne. - ©BERNAMA

China dan lima negara ASEAN adakan Kempen Antidadah 2024

MANGSHI, 14 Jun. - Kempen Antidadah 'Laluan Pelayaran Selamat' 2024 dilancarkan secara rasmi di Mangshi daerah Dehong di provinsi Yunnan China semalam, seperti yang dijadualkan mengikut persefahaman yang dicapai oleh China, Laos, Myanmar, Thailand, Kemboja dan Vietnam sebelum ini.

Pejabat pihak yang terlibat di bawah kerangka perjanjian multilateral khususnya China dan Thailand sebagai dua negara penganjur utama bagi 2024, bukan sahaja berperanan sebagai penguat kuasa undang-undang di negara masing-masing, tetapi juga akan bertindak meningkatkan kerjasama dan penyelarasan antara satu sama lain bagi memastikan kelancaran dalam penguatkuasaan antarabangsa terjalin serta meningkatkan kecekapan dalam membanteras kegiatan jenayah melibatkan produk dadah dan produk kimia yang mudah diperbuat menjadi dadah.

Sejak diadakan buat julung kalinya menurut inisiatif China pada 2013, kempen itu sudah menjadi satu wahana yang penting bagi peningkatan kerjasama antidadah antara keenam-enam negara berkenaan dan mendapatkan reputasi yang meyakinkan di arena antarabangsa.

Kempen yang pernah diadakan sebanyak lapan edisi itu dilaporkan sudah mencapai hasil yang memberangsangkan dalam pertukaran maklumat risikan, kerjasama tentang kes-kes yang tertentu, penguatkuasaan bersama dan penyiasatan secara terbuka serta memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah dadah di kawasan aliran Sungai Mekong demi kestabilan dan keselamatan rantau ini. - ©BERNAMA

Presiden Jokowi gesa kerjasama lebih erat tangani inflasi di tengah kebimbangan iklim global

JAKARTA, 14 Jun. - Presiden Indonesia, Joko Widodo pada Jumaat menggesa kerajaan pusat dan daerah bekerjasama dengan lebih erat bagi menangani inflasi di tengah kebimbangan iklim global berikutan peningkatan suhu dan kesannya terhadap keterjaminan makanan.

Presiden Joko Widodo yang juga dikenali sebagai Jokowi, menekankan amaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai perubahan iklim dan kepentingan menangani gelombang haba yang melampau.

"Di India, suhu telah mencapai 50 darjah Celsius, dan di Myanmar, ia adalah 45.8 darjah Celsius - gelombang haba yang sangat kuat. Walaupun orang boleh berlindung di dalam rumah untuk mengelak

daripada panas, kesannya terhadap keterjaminan makanan adalah kebimbangan utama," katanya pada Mesyuarat Penyelarasan Nasional untuk Pengawasan Inflasi di Istana Negara, di sini.

Jokowi juga menekankan kepentingan langkah proaktif untuk menangani cabaran yang ditimbulkan oleh peningkatan suhu dan kemungkinan kemarau, terutamanya dalam melindungi pengeluaran makanan negara.

"Dianggarkan 50 juta petani boleh menghadapi kekurangan air, menyebabkan kekurangan makanan dan akhirnya inflasi," katanya.

Dalam tempoh tiga bulan lepas, beliau mengarahkan Kementerian-kementerian untuk bekerjasama

dengan Angkatan Tentera untuk memasang pam air di pelbagai kawasan bagi menyokong pengairan dan memastikan petani mempunyai air yang mencukupi untuk ladang mereka.

"Kami mungkin akan memasang sekitar 20,000 pam di kawasan yang terutamanya menghasilkan padi untuk mengairi sawah," katanya.

Jokowi juga menekankan keperluan untuk memodenkan pertanian dengan teknologi pintar dan menggesa kerajaan tempatan untuk menggalakkan pelaburan dalam industri pemrosesan bagi meningkatkan nilai hasil pertanian dan mewujudkan sistem pengedaran yang bersepadu. - ©BERNAMA

Jepun mulakan pencarian laut dalam pada Julai untuk helikopter MSDF yang terhempas

TOKYO, 14 Jun. - Kerajaan Jepun mengumumkan pada Jumaat bahawa pencarian di laut dalam akan bermula bulan depan bagi dua helikopter Pasukan Pertahanan Diri Maritim (MSDF) yang terhempas di Pasifik pada April, lapor Xinhua.

Menurut Kementerian Sains, atas permintaan Kementerian Pertahanan, Agensi Sains dan Teknologi Marin-Bumi Jepun (JAMSTEC) akan memulakan pencarian menggunakan kenderaan laut dalam tanpa pemandu, yang boleh mencapai kedalaman

sehingga 6,000 meter.

Kementerian Sains berkata JAMSTEC akan menggunakan Deep Tow, sistem tinjauan dasar laut dalam yang dilengkapi dengan sonar dan kamera, untuk mencari di kawasan luas dasar laut.

Pada Selasa, Kementerian Pertahanan mengisytiharkan kematian tujuh anak kapal yang disenaraikan sebagai hilang sejak perlanggaran maut dua helikopter peronda MSDF.

Kedua-dua helikopter SH-60K, masing-masing membawa empat anggota MSDF, bertembung

dan terhempas semasa latihan malam pada 20 April di laut berhampiran Kepulauan Izu, kira-kira 600 kilometer ke selatan Tokyo. Daripada lapan mangsa yang berada di dalam pesawat, hanya satu mayat ditemukan setakat ini.

Perakam penerbangan dari kedua-dua helikopter dan serpihan pesawat telah diambil. Bagaimanapun, bahagian utamanya dipercayai masih di dasar laut pada kedalaman kira-kira 5,500 meter, lapor media tempatan. - ©BERNAMA

Lebih 842,000 kenderaan dijangka keluar dari metro Jakarta sempena Aidiladha

JAKARTA, 14 Jun. - Sekurangnya 842,227 kenderaan dijangka keluar dari kawasan metropolitan Jakarta, Bogor, Tangerang dan Bekasi, yang dikenali sebagai Jabotabek, mulai Jumaat hingga Selasa depan sempena sambutan Aidiladha, menurut pengendali lebuhraya PT Jasa Marga.

Jasa Marga menjangkakan peningkatan ketara dalam jumlah trafik yang keluar dari kawasan Jabotabek, dengan peningkatan dijangka 25.53 peratus berbanding trafik biasa, mencapai jumlah keseluruhan 670,913 kenderaan.

Peningkatan trafik dijangka

bermula dari Tol Cikupa, menuju ke Merak di Banten dan memudahkan perjalanan ke Pulau Sumatera serta dari Tol Ciawi, trafik meningkat menuju Puncak di Bogor, Jawa Barat, kata jurucakap Faiza Riani dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tol Cikampek menghubungkan ke Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur manakala Tol Kalihurip menghubungkan ke Bandung, Jawa Barat, tambahnya.

"Kenderaan yang keluar dari Jabotabek, hampir separuh atau 48.63 peratus dijangka menuju ke Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur manakala 28.47 peratus dijangka menuju ke arah Merak,

menghala ke Pulau Sumatera dan 22.91 peratus ke arah Puncak di Bogor," katanya.

Beliau berkata peningkatan trafik keluar mungkin berlaku pada Sabtu, dengan anggaran 195,966 kenderaan, menandakan peningkatan ketara 32.94 peratus berbanding jumlah trafik biasa.

Sebagai persediaan untuk lonjakan ini, Jasa Marga memastikan kesediaannya untuk menyokong usaha pengurusan trafik di bawah panduan polis, termasuk melaksanakan langkah aliran kontra, mengerahkan kakitangan dan memasang papan tanda sokongan. - ©BERNAMA



BDTA ajak remaja aktif bermain tenis

SELEPAS COVID-19 melanda sedunia sejak 2019 telah meninggalkan kesan dukacita dan negatif dalam kehidupan umat manusia dalam melakukan apa jua aktiviti termasuk dalam kegiatan bersukan.

Antara sukan yang terjejas dari sejarah kelam tersebut termasuklah sukan tenis.

Tenis merupakan salah satu permainan yang boleh dimainkan oleh semua peringkat umur, lelaki dan wanita secara perseorangan, beregu dan beregu campuran. Ia dimainkan di dalam gelanggang sama ada di luar mahupun di dalam dewan yang tertutup.

Di negara ini, sukan tenis merupakan salah satu sukan yang digemari ramai dan untuk memastikan sukan ini terus berkembang dan maju ianya dipantau oleh sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Tenis Brunei Darussalam (BDTA).

Dalam melakukan aktiviti sukan tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Belia

dan Sukan telah menyediakan berbagai kemudahan termasuk sukan tenis.

Gelanggang tenis kebangsaan terletak di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, yang dilengkapi dengan lapan gelanggang keras, dua gelanggang rumput, dua gelanggang tanah liat, satu gelanggang dinding dan satu gelanggang tengah bagi perlawanan peringkat akhir.

Setelah mengalami kemerosotan dari zaman wabak tersebut, sukan ini mula bangkit pada tahun 2022 dengan perancangan jangka panjang yang diberi nafas baharu selepas BDTA membubarkan beberapa keanggotaannya yang lama dan diganti dengan keanggotaan yang baharu di bawah presidennya, Pengiran Haji Mohd Sufferizal bin Pengiran Haji Murzuki untuk menghidupkan misi tenis ini.

Dengan peralihan keanggotaan serta pentadbiran baharu, persatuan sukan ini mula bergerak dengan berbagai inisiatif dan fokus ke hadapan walaupun secara awalnya perlahan namun penuh dengan ketelitian.

Pelbagai langkah dan

perancangan telah dibuat bagi sama-sama memajukan serta mengenalkan sukan ini kepada masyarakat khususnya dalam mencari atlet yang berpotensi dan berbakat.

Seperti masa-masa yang lalu persatuan ini pernah menghasilkan pemain-pemain yang berpotensi seperti Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim dan Mohd Aiman Abdullah selain Billy Wong Kee Long yang menjadi jurulatih sukan tenis pada masa ini.

Ke arah itu orang ramai adalah digalakkan membawa anak-anak untuk menyertai dan merasai pengalaman bermain sukan ini di Pusat Tenis Kebangsaan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Menurut Penolong Setiausaha Agung BDTA, Dayang Sylvia binti Haji Muhammad Arwan sebaik sahaja pembentukan pengurusan yang baharu persatuan ini telah bergerak semula dengan menghantar pemain-pemain bermain ke luar negara untuk bertanding di samping menghadiri kursus untuk menjadi jurulatih yang berhubung kait dengan ITF

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman

Foto : Ihsan Persatuan Tenis Brunei Darussalam

(Persekutuan Tenis Antarabangsa). Katanya, salah satu rancangan jangka panjang mereka adalah untuk mencari pemain-pemain muda ia itu bawah umur (*grassroot*) dengan sebanyak-banyaknya untuk diserapkan menjadi pemain kebangsaan.

Jelasnya pada masa ini penyertaan pemain-pemain junior sangat menggalakkan malah pada Kejohanan Remaja pada bulan Mei yang lepas mereka telah menyaksikan kehairahan pemain-pemain muda bermain dengan penuh semangat malah orang tua mahupun penjaga pemain-pemain ini amat mengharapkan jika kejohanan seumpama itu dapat di adakan lagi dalam masa yang terdekat.

"Dari kejohanan ini kami dapat melihat dan fokus kepada pemain yang berbakat dan berpotensi," ujar beliau.

Menyentuh mengenai penganjuran kejohanan, BDTA telah menganjurkan beberapa siri kejohanan selain menghantar pasukan bermain di luar

negara dan klinik tenis.

Umpamanya pada bulan Mei lepas mereka telah menganjurkan kejohanan remaja dan akan diikuti lagi kejohanan yang sama yang akan diadakan pada bulan Julai dan Disember tahun ini.

Dalam masa yang sama, BDTA juga akan menjadi tuan rumah pada tahun ini bagi kejohanan Junior ASEAN peringkat ATF sebagaimana yang pernah mereka kendalikan pada tahun lepas yang disertai oleh pemain-pemain junior dari negara-negara ASEAN.

Dengan penganjuran tersebut secara langsung BDTA diiktiraf oleh ATF kerana kejayaan mereka dalam mengendalikan kejohanan berkenaan.

Dengan penganjuran peringkat tersebut adalah menjadi satu kelebihan bagi pemain-pemain negara dalam mengukur serta menimba banyak pengalaman khususnya menjadi sukut-sukat untuk bertanding ke peringkat yang lebih tinggi lagi.





ARABIC SCHOOL TEWASKAN AKSE BERSATU 2-1

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Jun. - Arabic School U16 berjaya menewaskan AKSE Bersatu U16 dengan jaringan 2 - 1 pada Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), di sini.

Pada perlawanan separuh masa pertama, Arabic School U16 lebih mendominasi permainan dan berjaya menggegarkan gawang pasukan lawan pada minit ke-37 hasil sepakan Muhd. Waizul bin Haji Md. Ali menjadikan kedudukan perlawanan 1 - 0 hingga tamat separuh masa pertama.

Pada babak kedua perlawanan, AKSE Bersatu U16 terus berusaha untuk menjaringkan gol namun gagal apabila Arabic School U16 pada minit ke-61 telah berjaya menjaringkan gol melalui tendangan padu Muhd. Khairul Azmi bin Suderman.

Selang tujuh minit kemudian, AKSE Bersatu U16 berjaya menembusi gawang pasukan lawan dan menjaringkan gol hasil sepakan Md. Farrel Safrin bin Haji Ladis iaitu pada minit ke-68 perlawanan yang mana kedudukan kekal 2 - 1 hingga wisel penamat dibunyikan.



AKSI perlawanan di antara Arabic School U16 menentang AKSE Bersatu U16 pada Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam.

Sementara itu, perlawanan lain menyaksikan pertemuan antara BSRC U16 berpihak kepada BSRC U16 dengan jaringan 2 - 0.

Manassawee Leo Yong juara Kejohanan Biliard 9-ball Piala Kalayaan 2024

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan The Zargo Billiards Club

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Jun. - The Zargo Billiards Club, di bawah Persatuan Filipina di Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini menganjurkan Kejohanan Biliard 9-ball Piala Kalayaan 2024 (Kalayaan Cup 2024).

Kejohanan tahun ini yang diadakan di FJ Billiard Academy di Kampung Kiulap itu menyaksikan 52 peserta termasuk Brunei Darussalam, Malaysia dan warga Filipina di Negara Brunei Darussalam.

Pada separuh akhir kejohanan, Pengiran Mohd. Faiq Hafizuddin bin Pengiran Haji Jalaludin, Mohd. Hadie bin Haji Marsidi, Haji Md. Khairuddin bin Haji Hasnan dan Manassawee Leo Yong masing-masing mempamerkan kemahiran dan strategi

yang mengagumkan.

Perlawanan akhir menyaksikan Manassawee Leo Yong berjaya mengatasi Pengiran Mohd. Faiq Hafizuddin dengan kiraan 9 - 6, sekali gus memberikan gelaran juara kepada Manassawee Leo Yong manakala naib juara milik Pengiran Mohd. Faiq Hafizuddin.

Menurut Presiden kelab berkenaan, Vicente Gavino Cyrus D. Cabrera Jr, kejohanan tersebut dianjurkan sempena meraikan Sambutan Hari Kemerdekaan Republik Filipina yang ke-126.

Kejohanan bertujuan untuk mengetengahkan sukan ini dan memupuk semangat setia kawan dalam kalangan peminat biliard.



MANASSAWEE Leo Yong juara Kejohanan Biliard 9-ball Piala Kalayaan 2024 (Kalayaan Cup 2024), manakala naib juara milik Pengiran Mohd. Faiq Hafizuddin.

Tahukah Awda

BLOODKAD merupakan satu aplikasi yang membantu menyelaras proses pendermaan darah secara digital dan pengurangan penggunaan kertas dari segi pendaftaran penderma darah, pengisian borang pemeriksaan kesihatan dan tempahan slot menderma. Bloodkad dihasilkan oleh Nextacloud Technologies, bermula sebagai syarikat *start-up* yang sebelum ini dikenali sebagai Newgate Plus. Pada tahun 2017, First Blood telah dijenamakan semula sebagai Bloodkad sehingga sekarang. Penggunaan Bloodkad diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Jerudong Park Medical Centre bagi orang ramai yang berhasrat untuk menderma darah untuk memuat turun aplikasi ini.

SUMBER : www.hbk.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

INFAK AMALAN DITUNTUT DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN